


Jilid II
Bil. 2



Hari Selasa
27hb April, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 113]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 139]**

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).

- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K. Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 27hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

PASARAN PADI DAN BERAS

1. Puan Dasimah Dasir (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) adakah Menteri yakin sistem pemasaran padi dan beras sekarang ini dapat mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga; jika tidak, apakah langkah yang akan diambil bagi mencapai matlamat tersebut; dan
- (b) memandangkan kepada kekuatan menentukan harga pasaran padi/beras sekarang ini di tangan kaum-kaum kapitalis, sedang ianya menjadi makanan utama kepada rakyat, adakah Menteri bercadang hendak memilik-negarakan perusahaan/perniagaan ini. Jika tidak, kenapa. Jika ya, bila akan dimilik-negarakan.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sistem pemasaran padi dan beras di negara ini adalah mendapat perhatian berat daripada Kerajaan dan Kementerian, memandangkan tentang kepentingan besar barangan itu kepada rakyat dan negara. Oleh itu usaha-usaha sentiasa dijalankan dan diikhtiarkan supaya pelaksanaan sistem pemasaran tersebut dapat berjalan

dengan cekap dan berkesan, tanpa menjejaskan mana-mana pihak, terutama sekali petani-petani dan pengguna-pengguna.

Penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara sendiri adalah satu langkah utama ke arah pengendalian yang lebih sempurna pemasaran padi dan beras samada dari punca tempatan ataupun impot.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, liputan bidangkuasa dan fungsi L.P.N. termasuklah letak harga perlesenan, jual beli, dan menguatkuasakan undang-undang/peraturan-peraturan yang ada. Langkah-langkah yang diambil oleh L.P.N. bukanlah sahaja setakat hendak mencapai matlamat mana-mana satu Rancangan 5 tahun, samada Rancangan Malaysia II atau Rancangan Malaysia III tetapi adalah untuk mencapai matlamat jangka yang lebih panjang untuk sentiasa memastikan harga padi dan beras yang stabil dan berpatutan bagi kedua-dua pihak iaitu petani dan pengguna, di samping menjamin bekalan beras yang cukup di negara, serta memajukan perusahaan padi dan beras.

Untuk mencapai matlamat ini L.P.N. sentiasa berusaha untuk memperbaiki perlaksanaannya, dan mengkaji dinamis perdagangan padi dan beras negara dan antarabangsa supaya L.P.N. dapat bergerak balas dengan positif dan berkesan kepada apa juga situasi yang timbul.

- (b) Adalah tidak benar bahawa kekuasaan menentukan harga pasaran padi/beras sekarang di tangan kaum-kaum kapitalis. Kuasa letak harga padi ataupun beras adalah kuasa tunggal L.P.N., dan pelaksanaan letak harga ini dibuat

mengikut keadaan dalam pasaran padi dan beras serta berpandu kepada beberapa garis-garis tertentu.

Memang benar ada tindak-tanduk golongan-golongan tertentu peniaga-peniaga beras yang mengambil kesempatan di masa-masa kegentingan untuk mengganggu pasaran beras di negara ini, tetapi L.P.N. sentiasa berusaha mengelakkan daripada apa penjejasan berlaku.

Tentang menghakmiliknegarakan perusahaan padi dan beras negara, tidaklah tujuan Kerajaan berbuat demikian. Kerajaan mempunyai dasar untuk memberi peluang kepada sektor swasta bersama-sama menjalankan usaha mereka di samping usaha awam.

Tetapi adalah diharapkan bahawa mereka yang telah berkesempatan untuk mendapat lesen-lesen bagi berniaga padi dan beras, baik dari segi memborong, menjual runcit atau mengilang akan mematuhi peraturan-peraturan yang ditentukan serta menjamin kebersihan dan kecekapan perusahaan padi dan beras di negara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian yang berkenaan ini sedia mengkaji sistem L.P.N. sebab beberapa kelemahan yang sedang dihadapi sekarang supaya dapat disesuaikan peruntukannya itu dalam Dasar Ekonomi Baru, khususnya benar-benar memberi pertolongan kepada bumi-putra.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi dalam masalah harga beras atau padi yang ditentukan oleh ahli-ahli perniagaan kapitalis, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan tidak betul. Tetapi adakah Kementerian ini sedar bahawa kapitalislah yang menentukan harga beras dan padi dengan murah yang tidak mengikut apa yang dijadualkan oleh L.P.N. Adakah L.P.N. akan mengikut harga padi yang diberi oleh Ahli-ahli perniagaan kapitalis pada masa sekarang.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak betul sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu. Yang sebenarnya, harga padi yang telah ditetapkan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara adalah lebih murah daripada harga belian oleh pihak swasta. Tetapi pihak Pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai L.P.N. diberi kuasa untuk menaikkan harga belian yang telah ditetapkan oleh Lembaga itu sehingga tiga empat ringgit supaya hendak menyamakan dengan harga yang dibeli oleh pemodal-pemodal luar.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu tiga empat tahun dahulu Kerajaan telah menyatakan bahawa pada tiga empat tahun akan datang Malaysia akan mempunyai cukup beras untuk negeri sendiri ataupun boleh diekspot ke luar negeri. Pada hari ini berapa peratuskah beras yang kita impot ke dalam negeri.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 15% masih lagi kita kena impot beras daripada luar negeri dan Kerajaan memang berikhtiar untuk menambahkan kawasan-kawasan yang boleh ditanam padi dan Kementerian Pertanian memang sedang berikhtiar untuk meluaskan bendang-bendang padi di negara kita ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya pengeluaran padi kita cukup 100% untuk negeri ini, adakah Kerajaan bercadang pada masa yang akan datang supaya menyekat impot beras masuk ke dalam negeri kita ini oleh kerana beras daripada luar negeri adalah lebih murah daripada dalam negeri kita ini dengan sebab itu akan menyusahkan petani-petani. Adakah Kerajaan pada masa yang akan datang kalau 100% kita telah mengeluarkan padi ataupun beras, adakah cadangan untuk menyekat quota-quota mengimpot beras ke dalam negeri kita ini.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, memang sekarang pun kita sudah menyekat impot beras ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui cuma L.P.N. sahaja yang menjadi impot

tunggal dalam negara kita. Jadi kalaulah kita cukup beras sudah tentu kita tidak akan impot lagi pada masa akan datang.

ZON PERDAGANGAN BEBAS PULAU PINANG

2. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian akan menarik balik taraf Zon Perdagangan Bebas Pulau Pinang dan meletakkannya di bawah kawalan Kastam kerana ianya menjadi masalah sekarang kepada orang ramai yang berulang-alik ke tanah besar, sedangkan barang-barang yang dikenakan cukai hanya tinggal 10% sahaja.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak jelas oleh kerana penubuhan Zon Perdagangan Bebas dan kesulitan yang dihadapi oleh orang ramai yang berulang-alik ke tanah besar dari segi barang-barang yang dikenakan cukai yang hanya tinggal sebanyak 10% sahaja itu adalah dua perkara yang tidak ada kaitannya. Zon Perdagangan Bebas adalah ditubuhkan khusus untuk syarikat perkilangan yang telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengeluarkan barang-barang keluaran tertentu yang mana ianya akan diekspot. Di dalam Kawasan Zon Perdagangan Bebas ini pekilang-pekilang adalah diberikan layanan yang istimewa dari segi pengawasan Kastam oleh kerana dalam Akta Zon Perdagangan Bebas kawasan-kawasan seperti ini adalah terkeluar daripada kawasan pengawasan Kastam. Kawasan-kawasan Zon Perdagangan Bebas ini adalah juga terdapat di lain-lain tempat di negara kita dan ianya adalah bertujuan untuk menarik pelabur-pelabur yang ingin melabur modal di negara ini di mana pengeluarannya adalah untuk diekspot.

IKAN AIR TAWAR

3. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Pertanian menyatakan hasil diperolehi di bawah Rancangan Malaysia Kedua di dalam sekim memelihara ikan ayer tawar mengikut negeri di Malaysia dan nyatakan juga sambutan dari kaum Bumiputra dan lain-lain dan bilangan pemelihara Bumiputra dan bukan Bumiputra.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka-angka yang didapati daripada sekim pemeliharaan ikan air tawar dalam Rancangan Malaysia Kedua telah dapat menghasilkan sebanyak 20,781 pikul ikan-ikan yang bernilai lebih kurang \$2.5 juta. Pengeluaran mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah pikul
Perlis	35.18
Kedah	328.4
Pulau Pinang	724.31
Perak	8,806.31
Selangor	3,823.87
Negri Sembilan	1,462.24
Melaka	274.11
Johor	1,386.96
Pahang	4,217.56
Trengganu	461.5
Kelantan	861.11
JUMLAH	20,380.74

Sambutan daripada penternak-penternak ikan air tawar amatlah menggalakkan. Pada akhir tahun 1975 jumlah penternak-penternak adalah 2,752 orang berbanding dengan 1,872 orang pada tahun 1970. 1,734 orang di antaranya ialah kaum bumiputra manakala bukan bumiputra ialah 1,018 orang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan banyaknya berpikul-pikul ikan yang dikeluarkan atas usaha Kementerian ini rakyat sangat besar hati. Satu perkara yang akan dirasai oleh peladang-peladang kita bila banyak ikan tidak akan dapat dijual. Apakah perediaan Kementerian ini bagi mengatasi ikan-ikan ini supaya selain daripada dijual basah supaya dapat dijadikan ikan kering dan juga dalam masaalah mengusahakan ikan ini apa-apa perkara yang diberi oleh Kementerian ini kepada peladang-peladang itu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya sendiri yang bertugas di Kementerian Pertanian belum lagi mendengar cerita yang ikan air tawar ini ada yang tidak boleh dijual. Kalau sekiranya Yang Berhormat dapat menunjukkan di mana kawasan yang tidak boleh dijual maka koperasi-koperasi peladang dalam kawasan itu, insya

Allah, akan mengambil tindakan dengan seberapa segera. Yang saya tahu pada masa ini kita sedang kekurangan ikan air tawar, bukan berlebih ikan air tawar dan masih digalakkan lagi.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya oleh kerana dasar Kerajaan kita dalam soal pertanian iaitu menanam padi dua kali setahun, maka terdapat pembunuhan secara langsung terhadap ikan-ikan yang hidup di dalam persawahan padi iaitu ikan sepat dan sebagainya yang menjadi sumber kepada pendapatan kaum-kaum tani. Kalau benar cara menanam padi dua kali setahun dengan menggunakan alat-alat kimia dan alat-alat racun membunuh rumput-rumput yang menyebabkan matinya ikan-ikan di sawah-sawah seperti ikan sepat yang menjadi sumber pencarian kaum tani itu. Apakah dasar ataupun ikhtiar Kerajaan supaya sumber yang asli ini dapat dikekalkan sedangkan usaha menanam padi dua kali setahun itu dapat juga dijalankan dengan tidak mengecilkan pendapatan yang sedia ada iaitu dengan hilangnya pencarian yang saya sebutkan tadi iaitu ikan sepat dan sebagainya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memanglah ada kejadian sebab kurangnya ikan air tawar ini disebabkan tanaman padi dua kali setahun bukan sahaja daripada sebab kerana baja-baja kimia yang menyebabkan ikan-ikan ini tidak boleh subur, tetapi ialah kerana tidak ada kesempatan ikan ini hendak besar di sawah-sawah kerana pusingan menanam padi ikan-ikan ini masih kecil lagi dan terpaksa dikeringkan untuk dituai, jadi tidak sempat ikan ini hendak besar, hanya kecil-kecil anak-anak ikan ini terpaksa hanyut dibuang airnya kerana hendak dikeringkan kawasan itu, ini terpaksa. Jadi sekarang Kementerian ini menggalakkan petani-petani untuk menternak ikan air tawar menerusi koperasi-koperasi peladang dan kita mengadakan kolam-kolam untuk menternakkan ikan air tawar ini di beberapa tempat yang difikirkan sesuai dengan modal-modal pusingan yang dikeluarkan daripada koperasi-koperasi peladang untuk menternak ikan air tawar.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong apa yang

dikatakan oleh sahabat saya daripada Johor tadi. Kalau sudah banyak ikan dan seperti Yang Berhormat Menteri tadi kalau sedikit ikan—20,000 pikul, itu sedikit ikan. Kalau sudah banyak ikan tentulah tidak termakan oleh rakyat Malaysia. Sekarang mesti di buat rancangan, jangan besok baru hendak ada rancangan lima tahun nanti dikata saya tidak tahu, saya tidak pernah buat, kalau begitu tidak boleh jadi. Apakah rancangan untuk menampung hasil-hasil ikan ini supaya tidak boleh busuk. Adakah rancangan Kerajaan hendak buat fish ball untuk eksport, atau adakah rancangan yang telah ada disiapkan oleh Kementerian Yang Berhormat itu?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang saya tidak dapat hendak sebut apa rancangan sebab hendak buat fish ball kita mesti tahu apa jenis ikan yang lebih. Kalau hendak buat ikan kering apa jenis ikan yang lebih. Kita hendak tahu apa jenis ikan yang sampai tidak dapat dipasarkan. Tetapi setakat ini pasaran ikan air tawar kita masih kekurangan ikan lagi. Jadi kalau hendak dibuat fish ball, ikan kering, pekasam, jeruk dan sebagainya kita kena siasat jenis ikan dan kita mesti tahu berapa banyak ikan yang lebih dahulu, sebab kalau dijual basah ikan itu masih laku dan masih mendapat pasaran yang baik. Saya fikir lebih baik kita jual basah begitu sahaja dan kita tidak membuang masa.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baru hendak mencari apa ikan yang hendak dijadikan fish ball. Inilah yang terlambat dalam rancangan-rancangan luar bandar apa ikan ini hendak dibuat. Sekarang kita mempunyai satu Jabatan iaitu Jabatan Perikanan (Fisheries Department). Berkenaan fish ball ini, saya bukan pakar ikan, saya tahu buat fish ball ini iaitu ikan keli. Ikan keli ini cukup baik untuk dibuat fish ball. Jadi, bolehkah dibuat rancangan ini dengan cepat?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, ikan keli pada hari ini harganya \$1.50 sekati. Ikan keli tidak cukup dan tidak payah hendak buat fish ball lagi (*Ketawa*). Saya tidak mengerti bagaimana hendak dikatakan. Kalau ikan itu tidak cukup dan kita sebuk hendak buat fish ball, buat apa. Kalau ikan itu berlebihan barulah kita hendak buat.

TINGKATAN ENAM SEKOLAH MENENGAH DATUK RAHMAN YA'AKUB

4. Tuan Joseph Unting anak Umang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk menubuhkan kelas-kelas Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Datuk Rahman Ya'akub, Kanowit di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pelajaran tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan kelas-kelas Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Datuk Rahman Ya'akub, Kanowit. Walau bagaimanapun perkara ini akan ditimbang pada masa depan sekiranya perlu.

Tuan Joseph Unting anak Umang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekolah Menengah Datuk Haji Abdul Rahman Ya'akub di Kanowit telah ditubuhkan semenjak tahun 1949 pada masa itu sekolah tersebut dikatakan Sekolah Pembangunan Luar Bandar. Kanak-kanak dari seluruh negeri Sarawak menuntut di sekolah tersebut. Semenjak tahun 1958 sekolah itu ditukarkan namanya kepada Government Secondary School Kanowit dan pada tahun 1972 saya sendiri menukarkan nama sekolah ini kepada Sekolah Menengah Datuk Haji Abdul Rahman Ya'akub. Sekolah ini sekarang ini mempunyai lebih kurang 1,400 orang penuntut dan keadaannya pun masih sebagai di tangan colonial dahulu juga. Apabila Sarawak sudah merdeka dalam Malaysia sekolah itu masih belum ada perubahan. Sebenarnya budak-budak yang dekat dengan Kanowit ini

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan Joseph Unting anak Umang: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi penjelasan sedikit. Kita tahu daerah Kanowit adalah satu daerah yang besar dan orangnya ramai, kebanyakan orang-orang bumiputra tinggal jauh daripada tempat itu. Kalau mereka dapat kelulusan Form V akan dihantar ke Tanjong Lubang, Miri ataupun Dragon Secondary School di Kuching, tetapi banyak orang bumiputra tidak mampu. Jadi

sekolah-sekolah yang tadi ditubuhkan di Sarawak sudah diberi kelas Tingkatan VI dan sekolah ini yang pertama sekali lama dibina di Sarawak belum dapat lagi kelas Tingkatan VI.

Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu, apabila perlu akan ditubuhkan kelas Tingkatan VI. Jadi pada pandangan rakyat di Kanowit bilakah Kementerian dapat menubuhkan kelas Tingkatan VI ataupun adakah Kementerian yang berkenaan akan bercadang membuat tempat budak-budak tinggal ataupun membuka sekolah yang lebih baik seperti di Semenanjung Malaysia ini kerana kawasan Kanowit ini besar dan banyak lagi kawasan tanah sekolah itu masih hutan yang belum dibuka lagi untuk ditempatkan sekolah itu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Kelas Tingkatan VI ini bukanlah satu perkara yang mudah. Ianya berkehendakkan bilangan murid yang banyak. Sungguhpun dalam sekolah itu ada lebih daripada 1,400 orang murid bukan semua daripada mereka akan layak pergi ke Tingkatan VI, cuma sebilangan kecil sahaja yang layak pergi ke Tingkatan VI.

Untuk mengadakan Kelas Tingkatan VI ini kita berkehendakkan kepada guru-guru yang berkelayakan tinggi dan juga kemudahan-kemudahan yang lain yang penting untuk Tingkatan VI. Adalah lebih baik jika bilangannya tidak begitu banyak kita menempatkan mereka di tempat yang sudahpun ada Tingkatan VI. Apabila bilangan murid yang lulus Tingkatan V yang layak pergi ke Tingkatan VI sudahpun meningkat kepada satu tingkatan yang banyak maka pada ketika itu dapat kita mempertimbangkan untuk mengadakan Tingkatan VI di Kanowit dan juga di lain-lain tempat.

RUMAH-RUMAH KEDAI DI PADANG BESAR

5. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa kebanyakan dari rumah-rumah kedai yang dibina oleh orang-orang Thai di Padang Besar adalah terletak di atas tanah Malaysia, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan atas perkara ini memandangkan bahawa terdapat

kemungkinan keadaan ini dapat membuka jalan yang mudah bagi penyeludupan barang-barang berbahaya seperti senjata, dadah dan lain-lain ke Malaysia.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini mengenai beberapa deret rumah, kita belum boleh mengatakan dengan resminya rumah-rumah yang mana terletak di dalam kawasan Thailand dan yang mana pula terletak dalam kawasan Malaysia di Padang Besar itu.

Tindakan bersama sedang diambil oleh Jabatan Ukur kedua-dua negara Malaysia dan Thailand bagi menentukan dengan resmi sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand di kawasan ini. Pengukuran kawasan tersebut dijangka akan bermula sedikit masa lagi dan akan siap di akhir tahun ini juga.

Maka dengan ini nyatalah bahawa selepas tamatnya kerja penentuan sempadan yang tersebut ini dapatlah kita menentukan mana-mana rumah orang Malaysia yang duduk di dalam kawasan Negeri Thailand atau sebaliknya.

Namun demikian Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa sempadan antarabangsa yang diukur bersama oleh pihak Jabatan Ukur Negeri Thai dan Negeri Malaysia (joint survey by the Thai and Malaysian surveyors) ini, adalah tertakluk kepada pengesahan oleh kedua-dua Kerajaan Thailand dan Malaysia. Kedua-dua Kerajaan ini telah juga melantik sebuah jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Bersama Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand dengan tugas supaya diselesaikan kerja penentuan sempadan tersebut dengan secepat mungkin. Jawatankuasa ini telah sedar juga mengenai adanya keadaan yang rumit ini di kawasan Padang Besar. Oleh itu, suatu jawatankuasa kecil bersama yang khas telah dilantik untuk menentukan supaya kerja mengukur dapat berjalan tanpa menimbulkan apa-apa perasaan takut, salah faham dan sebagainya di antara penduduk-penduduk yang terlibat itu.

Pengawasan untuk mencegah penyeludupan dan lain-lain jenayah memang sentiasa diuruskan oleh pasukan-pasukan pengawasan dari kedua-dua negara, dari segi kastam, imigresen, polis dan tentera. Ahli

Yang Berhormat sedia maklum problem-problem seperti ini akan ada di mana-mana sahaja "border towns" dalam dunia ini.

Tuan Syed Omar bin Syed Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan adakah apa-apa langkah untuk mengawal dalam masa menjalankan kerja-kerja menyukat sempadan ini supaya jangan ada orang-orang Thai mengambil peluang mendirikan lebih banyak rumah, kerana apabila selesai masalah itu akan berbangkit pula hendak mengubah rumah-rumah yang terlalu banyak. Adakah pihak Kementerian mengadakan satu cara mengawal supaya jangan memberi kesempatan kepada mereka dalam masa setahun ini.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, masalah kawalan bagi mendirikan rumah-rumah itu tidaklah termasuk dalam tugas Kementerian ini, itu adalah termasuk dalam tugas Majlis-majlis Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan di situ. Saya percaya Pihak Berkuasa Tempatan samada di pihak Malaysia sendiri atau di pihak Negeri Thai menyedari akan hakikat ini dan pengawalan tentu akan diadakan dari satu masa ke satu masa.

PEJABAT POS BERGERAK

6. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pejabat pos bergerak yang ada di Semenanjung Malaysia pada masa sekarang;
- (b) siapakah yang memandu serta menjalankan tugas-tugas dalam pejabat pos bergerak ini;
- (c) pemandu/posmen pejabat pos bergerak diberi elaun khas untuk menjalankan kerja ini, dan jika ya, berapa;
- (d) berapa banyakkah jumlah wang mengikut hitung panjang yang dibawa balik oleh sesebuah pejabat pos bergerak ini apabila mereka kembali daripada menjalankan tugas dalam sehari; dan
- (e) memandangkan bertambahnya bilangan kejadian jenayah dalam negeri ini sekarang, apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh Kementerian beliau dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu :

- (a) Jumlah pejabat pos-pejabat pos bergerak pada masa ini ialah 116.
- (b) 28 buah daripadanya dipandu dan tugas-tugasnya dijalankan oleh seorang kerani bagi sebuah pejabat pos bergerak. Yang lainnya dipandu oleh posmen-posmen dan tugas-tugasnya dijalankan oleh kerani pos.
- (c) Ya. Elaun yang dibayar ialah \$2.00 sehari.
- (d) & (e) Peraturan-peraturan keselamatan yang sewajarnya adalah disediakan untuk Pejabat Pos-pejabat pos Bergerak. Atas sebab-sebab tertentu peraturan-peraturan keselamatan yang disediakan serta jumlah hitung panjang wang yang dibawa balik tiap-tiap hari oleh Pejabat Pos Bergerak tidaklah dapat diberitahu.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

7. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa dalam ertikata Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua, peluang kemajuan yang memadai tidak diberi kepada orang-orang India dan orang-orang Malaysia keturunan India sungguhpun dasar-dasar dan rancangan-rancangan dalam Rancangan Malaysia Kedua adalah dirangka untuk menyusun semula masyarakat Malaysia untuk memperbaiki keadaan tidak seimbang di segala golongan; jika sedar, adakah apa-apa rancangan untuk menyediakan peluang yang memadai kepada kaum India dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru telah dibentuk dalam tahun 1970 dengan matlamat menggalakkan perpaduan negara menerusi dua langkah pembangunan. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dua langkah itu ialah pertama, pembasmian kemiskinan dengan meninggikan taraf pendapatan dan menambah peluang-peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, dan

kedua, mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang, agar dapat mengurangkan dan akhirnya menghapuskan pengenalal kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Saya ingin menerangkan di sini bahawa Dasar Ekonomi Baru bukanlah satu dasar untuk kemajuan satu kaum sahaja. Dasar ini mencipta berbagai peluang-peluang untuk direbut oleh semua rakyat Malaysia. Bukan sahaja peluang-peluang disediakan, malah kemudahan-kemudahan diberi kepada semua rakyat Malaysia.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana kita semua sedia maklum iaitu negara kita telah pun mengalami berbagai-bagai masalah iaitu keselamatan negara, sosio-ekonomi, perpaduan antara kaum dan politik. Perpaduan antara kaum ialah sangat penting seperti sebuah negeri seperti Malaysia. Kerajaan patut memandang jauh dengan imaginative approach apabila kita mengadakan dasar-dasar ekonomi negara

Tuan Yang di-Pertua: Sila nyatakan apa soalnya?

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan sebelum saya membuat soalan. Kita tidak boleh biarkan rakyat kecil bilangannya (minority) sangat . . .

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas. Sila nyatakan soalan tambahan, jika ada.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri atau Kementeriannya sedar bahawa kaum India dalam negeri sangat ketinggalan kebelakang jika dibandingkan antara lain-lain kaum.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar satu perkara sahaja ialah kemiskinan di kalangan rakyat tidak mengira kaum dan tidaklah payah kita bandingkan antara satu kaum dengan kaum yang lain, oleh kerana kemiskinan ialah kepada rakyat tak kira kaum.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi

Kerajaan bertujuan membasmi kan kemiskinan tidak kira kaum. Jikalau kaum itu, Tuan Yang di-Pertua, hendak maju betul atau tidak kaum itu sendiri mesti buat rancangan bukan Kerajaan buat kan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan mestilah terlibat dua pihak, pihak Kerajaan dan pihak swasta. Individu kena buat rancangan juga. Kerajaan memang memberi peluang-peluang sahaja dan peluang-peluang ini patut direbut oleh rakyat.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan. Jawapan Menteri yang berkenaan tadi sangat baik dan mengikut keadaan yang ada sekarang kebanyakan ahli politik ada meminta projek-projek kepada Kerajaan mengikut perkauman. Kalau ada soalan yang berbangkit mengikut perkauman bolehkah Kerajaan menjamin tidak menjawab?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, prinsip itupun sudah beberapa kali diumumkan oleh Kerajaan bahawa ada dua tujuan Dasar Ekonomi Baru iaitu menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan. Saya tahu kedua-dua cadangan itu ada di dalam rancangan ekonomi baru, tetapi ada banyak orang, dan banyak kumpulan meminta projek-projek di dalam rancangan Kerajaan mengikut perkauman. Saya harap Menteri berkenaan memberi jaminan kalau diminta mengikut perkauman jangan menjawab mengikut perkauman sahaja.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun permohonan-permohonan ini dibangkitkan oleh beberapa kaum mengikut kaum tetapi Kerajaan memandang projek ini dari segi dua prinsip yang saya sebutkan tadi.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apa ertinya antara equitable distribution dan equal distribution.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ini saya ingat satu soalan yang lain. Equal ertinya ada dua pihak sahaja sebelah

sana dan sebelah sini—equal. Equitable ialah fair, bukan dikatakan separuh-separuh atau setengah-setengah.

KANUN TANAH NEGARA

8. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa dalam proses pembangunan negara lot-lot tanah yang diambil oleh Kerajaan adalah tanah kediaman yang tunggal yang dipunyai oleh rakyat dan dengan itu mendatangkan kesusahan kepada mereka mencari tanah kediaman sebagai ganti; dan
- (b) samada beliau bercadang meminda Kanun Tanah Negara dengan mengemukakan satu peruntukan untuk menentukan bahawa apabila tanah tunggal kediaman diambil, Kerajaan hendaklah menjual sekeping tanah dengan harga yang berpatutan kepada mereka untuk membina rumah.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian sedar bahawa dalam kerja pengambilan balik tanah untuk rancangan-rancangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri tanah kediaman yang tunggal mungkin terlibat.

Bagi tiap-tiap tanah yang diambil balik oleh Kerajaan itu samada tanah perumahan atau tanah pertanian dan sebagainya (pendek kata apa jua jenis tanah) adalah dibayar dengan wang pampasan atau sugu hati yang berpatutan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Akta Pengambilan Balik Tanah, Tahun 1960.

- (b) Buat masa ini Kanun Tanah Negara belum mustahak dipinda sebab tanah-tanah tunggal kediaman apabila diambil balik oleh Kerajaan adalah dibayar wang pampasan yang berpatutan seperti diterangkan tadi. Bagi di negeri-negeri atau di tempat-tempat yang masih ada banyak lagi tanah Kerajaan, tuan tanah yang terlibat itu bolehlah membuat permohonan untuk mendapatkan sekeping tanah Kerajaan yang lain sebagai ganti atau sebagai mendapat peluang untuk mendirikan rumah barunya. Di setengah-setengah

tempat yang lain pula Kerajaan mengadakan rancangan-rancangan tanah bagi perumahan, yang mana tuan tanah yang terlibat boleh juga memohonnya dan pada kebiasaannya mereka itu diberi keutamaan.

RONDAAN TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA

9. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Tentera Laut Di Raja Malaysia ada membuat rondaan dengan teratur di pinggir laut Negeri Kelantan yang bersempadan dengan Negeri Thai, untuk mengawal aktiviti-aktiviti pencolekan dan penyeludupan senjata dan dadah.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pertahanan saya ingin menjawab soalan ini bahawa sebuah kapal ronda Tentera Laut Di Raja Malaysia adalah sentiasa ditugaskan untuk meronda di perairan sempadan Kelantan/Narathiwat di sepanjang tahun untuk mengawal kegiatan-kegiatan jenayah seperti penangkapan ikan secara haram, pencolekan dan penyeludupan senjata dan dadah.

Di samping itu pihak Tentera Laut Diraja Malaysia juga mengambil tindakan ke atas maklumat-maklumat risikan yang diterima berkenaan dengan kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan di perairan kita, dan juga memberi bantuan kepada agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Perikanan dan Polis Merin ataupun orang awam apabila dipinta.

Dari masa ke semasa Tentera Laut Diraja Malaysia juga adalah menjalankan rondaan-rondaan secara intensif di kawasan-kawasan yang disyaki.

SOSIO-EKONOMI PENDUDUK LUAR BANDAR RENDAH

10. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa sungguhpun kegiatan pembangunan negara telah berjalan dengan begitu pesat di bawah kedua-dua Rancangan Pembangunan Malaysia, taraf hidup sosio-ekonomi penduduk luar bandar masih dalam peringkat yang rendah, kecuali kejayaan-kejayaan tertentu dalam pembinaan

masyarakat dan oleh kerana perancang-perancang pembangunan negara, nampaknya tidak pakar dan tidak dapat merancang pembangunan bagi menepati matlamat dan rancangan pembangunan khususnya untuk meninggikan taraf hidup sosio-ekonomi penduduk luar bandar, kerana majority dari mereka itu hidup miskin, apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan pakar-pakar perancang pembangunan negara itu terdiri daripada mereka yang betul-betul pakar melahirkan tindakan yang betul-betul pragmatik dan praktik setelah faham dengan segala masalah kemelaratan hidup di luar bandar.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa taraf hidup sosio-ekonomi penduduk-penduduk luar bandar masih dalam peringkat yang rendah. Oleh itu, kegiatan ekonomi yang bersungguh-sungguh sedang diusahakan di bawah rancangan pembangunan Kerajaan bagi mengawasi masalah tersebut. Hasil kejayaan ini sama-samalah kita tunggu dengan harapan. Mengenai soal kerendahan taraf hidup sosio-ekonomi dengan perancangan negara yang tidak pakar dan tidak berancang mengikut matlamat ini adalah pendapat masing-masing. Perancangan ekonomi dan pembangunan negara adalah dikendalikan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang mempunyai pegawai-pegawai yang pakar serta pengalaman dalam beberapa bidang. Kerajaan adalah sentiasa memastikan pakar-pakar perancangan pembangunan terdiri dari mereka yang bukan sahaja pakar, tetapi juga mempunyai motivation dan dedication yang tidak boleh disangkalkan.

BEKALAN AIR DI PASIR PUTEH/ BACHOK DIPOTONG

11. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar bahawa potongan bekalan air kepada sawah-sawah padi luar musim di Jajahan Pasir Puteh dan Bachok, Kelantan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menurut surat pekelilingnya Bil. (10) dlm. KADA 150/36 bertarikh 5hb April, 1976 ada bertentangan dengan semangat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau mengenai perkara ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang pemotongan bekalan air itu telah menjiskan pendapatan pesawah-pesawah di jajahan itu. Tetapi ini terpaksa dilakukan oleh kerana keadaan kemarau yang panjang baru-baru ini telah menyebabkan paras air di sungai-sungai di dalam kawasan Kemubu terlalu rendah. Dalam keadaan yang sedemikian jika pam-pam air itu digunakan sepanjang masa untuk membekalkan air ke sawah-sawah tersebut adalah dikhuatirkan pam-pam itu akan rosak, akibatnya akan lebih buruk lagi bukan sahaja di jajahan Pasir Puteh dan Bachok, bahkan di seluruh jajahan Kota Bharu di dalam kawasan Kemubu akan tidak mendapat air. Sebagai langkah menampung kehilangan punca pendapatan pentadbiran KADA telahpun diberi peruntukan untuk memberi bantuan kepada petani-petani yang terlibat yang berupa baja, benih kacang tanah, kacang hijau, kacang soya, sayur-sayuran dan juga nasihat teknik bagi membolehkan mereka menanam tanaman jangka pendek. Wang sebanyak \$300,000 telahpun diperuntukkan.

TATATERTIB MURID-MURID

12. Tuan Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang kemerosotan tatatertib murid-murid terutamanya di Sekolah-sekolah Menengah, jika ya, mengapa dan apakah tindakan yang akan diambil bagi memperbaiki keadaan ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui oleh pihak Kementerian Pelajaran, kemerosotan tatatertib tidaklah begitu ketara di Sekolah-sekolah Menengah samada di luar bandar mahupun di Sekolah-sekolah Menengah di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, di bandar-bandar besar terdapat tarikan kebenaran terhadap kehidupan moden, tetapi Kementerian Pelajaran telah memberi arahan kepada Guru-guru Besar dan guru-guru supaya mengetatkan kawalan tatatertib pada awal tahun ini.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa masih ada lagi perbuatan seperti ragging masih berlaku di maktab-maktab ataupun di sekolah-sekolah yang berasrama penuh.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, perbuatan ragging di maktab-maktab ini bukanlah satu perbuatan yang diizinkan oleh Kementerian. Kadangkala terjadi perkara ini dengan tidak diketahui oleh pegawai-pegawai yang berkenaan, tetapi setelah diberitahu kita telahpun mengambil tindakan supaya dapat kita mencegah perbuatan ini.

SAHAM UNTUK BUMIPUTRA

13. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah saham yang diperuntukkan kepada Bumiputra yang masih belum dibeli dan apakah rancangan yang sedang dibuat supaya saham-saham ini akan dapat diedarkan kepada Bumiputra.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 1975 jumlah saham yang telah dikhaskan untuk bumiputra di dalam syarikat-syarikat perindustrian yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah sebanyak \$892.21 juta iaitu lebih kurang 25.18% daripada jumlah modal yang dicadangkan sebanyak \$3,559.2 juta.

Di dalam jangka masa yang sama jumlah pelaburan yang sebenar ialah sebanyak \$1,865.549 juta di mana jumlah saham yang telah dibeli oleh bumiputra ialah sebanyak \$293.102 juta atau 15.7%. Daripada jumlah pelaburan yang dicadangkan itu beberapa projek telah tidak dilaksanakan atau yang sedang di dalam pelaksanaan ataupun yang telah ditarik balik kelulusannya. Dengan sebab-sebab itu setakat ini tidaklah dapat ditentukan saham yang sebenar. Daripada jumlah pelaburan yang dicadangkan yang belum lagi dibeli oleh bumiputra akan tetapi secara kasar adalah dijangka kira-kira \$300 juta saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputra belum lagi dibeli. Oleh kerana masih banyak lagi saham-saham yang belum dibeli oleh bumiputra, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi masalah ini, di antaranya ialah menubuhkan satu daftar pelabur-pelabur bumiputra yang terdiri daripada institusi-institusi, syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan. Walau bagaimanapun, sambutan daripada pelabur-pelabur bumiputra di atas saham-saham yang dikhaskan setakat ini tidaklah berapa memuaskan, oleh kerana saham-saham yang

terlibat ialah saham-saham syarikat sendirian berhad yang mana ianya tidak dipasarkan dipasaran saham.

Selain daripada itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mendapat kerjasama daripada bank-bank perniagaan di negara ini untuk menolong menilaikan projek-projek pelabur-pelabur bumiputra dan juga melalui bank-bank tersebut untuk menyebarkan tentang adanya peluang-peluang pelaburan kepada pelanggan-pelanggan bumiputra mereka melalui seminar, dailog dan perjumpaan dengan orang ramai dan para bumiputra sendiri telahpun diberitahu tentang adanya peluang-peluang pelaburan ini. Di samping itu, satu tindakan juga telah diambil melalui Komplek Kewangan MARA untuk mengkaji kemungkinan menubuhkan satu tabung amanah yang akan membeli saham-saham tersebut untuk bumiputra; tabung itu sedang di dalam penubuhan sekarang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, Kerajaan telah membuat satu usaha supaya saham yang terangkut sebanyak \$300 juta itu dapat disebar dan dinikmati oleh bumiputra. Saya hendak bertanya kepada Kementerian ini adakah dengan langkah ini Kerajaan menaruh keyakinan bahawa saham-saham ini akan dapat dirasai oleh seluruh bumiputra di segenap lapisan ataupun hanya dinikmati oleh golongan-golongan yang tertentu sahaja.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jawab tadi, saham-saham ini dikhaskan kepada bumiputra, baik secara syarikat ataupun kepada yang berkumpul atau kepada yang perseorangan. Itu terserah kepada masing-masing. Pokoknya peluang-peluang ini telahpun dibuka dan kita tidak membataskan peluang-peluang yang ada itu kepada golongan atau kepada syarikat, malahan kita memberi keutamaan kepada bumiputra perseorangan sekiranya mereka itu merasakan berkemampuan untuk memiliki atau membeli saham yang ada itu.

JAWATANKUASA PENGAWASAN PARLIMEN

14. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan adakah apa-apa rancangan

untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Pengawasan Parlimen Semua-Parti untuk mengkaji masalah keselamatan negara, salahguna dadah, masalah-masalah pelbagai kebudayaan dan rasuah yang sedang dihadapi oleh Kerajaan pada masa ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Pengawasan Parlimen yang dianggotai oleh semua parti untuk mengkaji masalah-masalah seperti keselamatan negara, penyeludupan dadah, masalah-masalah mengenai kebudayaan atau rasuah. Kerajaan adalah berpuashati dengan kerjasama yang dijalankan oleh badan-badan Kerajaan yang ditubuhkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Badan tersebut ialah seperti Majlis Keselamatan Negara, Biro Narkotik Negara, Jawatankuasa Kabinet mengenai Penyalahgunaan Dadah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Biro Siasatan Negara dan berbagai lagi badan yang saling bekerjasama untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara.

JEMAAH HAJI

15. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada kemerosotan bilangan bakal-bakal Haji mendaftar untuk menunaikan Fardhu Haji tahun ini adalah disebabkan kenaikan perbelanjaan dari \$1,545 kepada \$2,800 yang disyaratkan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji baru-baru ini; dan
- (b) samada menjadi tujuan Kerajaan menyekat bilangan jemaah haji supaya dapat menyelamatkan wang negara dari keluar negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut tinjauan yang dibuat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji di seluruh Malaysia, kemerosotan bilangan bakal-bakal haji yang mendaftar untuk menunaikan Fardhu Haji tahun ini bukanlah semata-mata disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan.
- (b) Adalah tidak benar bahawa Kerajaan bertujuan hendak menyekat bilangan Jemaah Haji yang pergi ke Tanah Suci

kerana hendak menyelamatkan wang negara dari keluar negeri. Tanggungjawab Kerajaan ialah hendak menjamin supaya Jemaah Haji Malaysia mempunyai perbelanjaan yang cukup di Tanah Suci supaya mereka tidak terkandas di sana kelak.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian ini sedar bahawa kejadian yang telah berlaku kepada jemaah haji tahun sudah telah melibatkan kekurangan jemaah haji pada tahun ini dan jika akibat yang berlaku pada tahun sudah itu benar, apakah Kerajaan telah mengambil satu tindakan kepada pihak yang telah menjalankan perbincangan-perbincangan dengan pihak Kerajaan Saudi Arabia.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, LUTH berpendapat bahawa syarat yang tidak membolehkan bakal-bakal haji memilih syeikh yang mereka suka sendiri, adalah satu daripada sebab kekurangan bakal haji yang mendaftar pada tahun ini. Untuk mengatasi masalah inilah maka pihak LUTH telah mengirimi sebuah memorandum melalui Kementerian Luar Negeri kepada Kedutaan Besar Malaysia di Saudi Arabia supaya dapat membuat perundangan agar peraturan yang tertentu yang dikenakan pada tahun lalu dapat dipermudahkan bagi jemaah haji di seluruh dunia. Ini bukanlah syarat bagi jemaah haji dari Malaysia semata-mata. Untuk masalah lain, maka LUTH akan menyediakan beberapa kemudahan bagi jemaah haji tahun ini termasuk menyediakan packed ration ataupun makanan yang standard kepada jemaah haji kita selama berada di tanah suci di Mekah, Madinah, Mina dan Arfah.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Yaakub: Mengikuti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kemerosotan jemaah haji yang telah mendaftarkan tahun ini bukan sahaja kerana kenaikan angka perbelanjaan yang dikenakan oleh LUTH tahun ini tetapi oleh kerana sebab lain juga. Jadi bolehkah saya faham bahawa kenaikan perbelanjaan itu salah satu sebab kurangnya bilangan jemaah haji. Dan kalau ini menjadi satu daripada sebab kekurangan jemaah haji dan Kerajaan tidak bercadang untuk menyekat bilangan ahli jemaah haji pergi ke

Mekah bolehkah saya mendapat jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa angka perbelanjaan jemaah haji yang meningkat lebih daripada \$1,000 bagi tahun ini akan dikaji semula.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi, mengikut kajian LUTH bukanlah perkara kenaikan perbelanjaan itu sahaja menyebabkan kekurangan jemaah haji, tetapi peraturan yang tidak membolehkan ahli jemaah haji di sini memilih syeikh yang mereka sukai adalah salah satu daripada sebab yang penting. Selain daripada itu, kita sama-sama faham pada tahun yang lalu didapati berebut-rebut ahli jemaah haji dari Malaysia pergi menunaikan fardhu haji kerana hendak mendapatkan haji akbar pada tahun lalu. Jadi itulah sebab banyak pada tahun sudah yang pergi yang sepatutnya barangkali akan turun pada tahun ini kerana mereka telah pergi pada tahun sudah. Maka itu juga termasuk menyebabkan kurang pendaftaran tahun ini.

Selain daripada itu, seperti Ahli Yang Berhormat nyatakan iaitu kemungkinan kenaikan perbelanjaan itu menyebabkan satu daripada faktor kurangnya pendaftaran itu. Sebenarnya, wang-wang perbelanjaan ini termasuk perbelanjaan runcit sebanyak 1,800 rial akan diserahkan sendiri ke tangan tiap-tiap ahli jemaah kerana di tanah suci dan kalau mereka boleh berjimat sedikit dengan wang itu maka mereka boleh membawa pulang lagi wang itu ke Malaysia. Apa yang diharapkan oleh LUTH supaya tidak ada kedapatan jemaah haji kita akan terkandas di sana di dalam urusan hendak menunaikan fardhu haji termasuk perbelanjaan tempat tinggal, bayaran-bayaran yang dikenakan kepada mutauwif atau kepada syeikh, bayaran zam-zam di Mekah, wakil di Judah, dalal di Madinah, perbelanjaan jamu di Arfah dan Mina, dan tahun ini dikenakan lagi bayaran air tambahan lagi sebanyak 100 rial dan bayaran dam juga disediakan sebanyak 100 rial termasuk dalam perbelanjaan tersebut, tetapi ini diserahkan kepada tangan jemaah haji itu sendiri untuk membelanjakannya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan iaitu perkara ini bukan soal orang Malaysia sahaja yang

hendak pergi ke Mekah iaitu Mekah adalah tanah suci bagi orang-orang Islam di seluruh dunia. Jadi soalnya sekarang samada rundingan telah diadakan di antara negara-negara Islam di dunia ini berkenaan dengan layanan-layanan terhadap orang-orang Islam pergi ke Mekah telah mendapat layanan buruk. Adakah atau tidak dirundingkan dan meminta rayuan kepada Kerajaan Saudi Arabia di atas layanan-layanan buruk itu?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan itu adalah soalan lain daripada soalan asal. Yang sebenarnya, dalam perkara ini rundingan-rundingan seperti itu memang diadakan dari semasa ke semasa dan hubungan baik di antara Kerajaan Malaysia dengan semua Kerajaan-kerajaan Islam di dunia adalah begitu erat sekali. Mengikut kajian LUTH bukan sahaja jemaah haji Malaysia yang agak kurang tahun ini bahkan mungkin jemaah haji dari seluruh dunia akan kurang juga pada tahun ini.

TATATERTIB (CODE OF ETHICS) GURU-GURU

16. Tuan Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menjalankan rancangan tatatertib (Code of Ethics) bagi guru-guru sebagaimana yang disarankan di dalam Lapuran Aziz. Jika ya, bila dan jika tidak, kenapa.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tatatertib (Code of Ethics) bagi guru-guru adalah satu perkara yang akan ditetapkan oleh Persatuan/Kesatuan Guru-guru di negara ini. Dalam hubungan ini Kementerian Pelajaran mendapat tahu bahawa satu jawatankuasa yang terdiri daripada wakil-wakil Persatuan/Kesatuan Guru-guru telah dibentuk untuk membincangkan perkara tersebut.

KEBAKARAN DI LADANG-LADANG

17. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sejak musim kemarau panjang tahun ini, berapa ekar tanaman dan hutan musnah akibat terbakar yang dipunyai oleh Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan orang perseorangan. Apakah

langkah-langkah yang sedang diambil supaya mengelakkan kebakaran dari berlaku lagi di masa akan datang.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Daripada lapuran yang telah diterima oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adalah dianggarkan lebih kurang 4,000 ekar kawasan ladang telah terbakar dalam musim kemarau yang lepas. Walau bagaimanapun bukan semua kawasan kelapa sawit dan getah telah musnah sama sekali. Di kebanyakan kawasan-kawasan yang terlibat pokok-pokok getah dan kelapa sawit telah mengalami kerosakan sederhana sahaja dan dapat diselamatkan.
- (b) Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak FELDA untuk mencegah kebakaran ialah dengan membuat arahan kepada semua peserta-peserta bagi tiap-tiap rancangan supaya sentiasa berwaspada menghadapi kemungkinan berlakunya kebakaran. Selain dari itu juga pasukan Kawalan Api Khas telah diadakan untuk mengawal kebakaran. Peserta rancangan juga diberitahu supaya jangan membakar sampah sarap di kawasan perkampungan dan ladang-ladang, untuk mengelakkan berlakunya kebakaran.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, adakah punca kebakaran itu kerana tanah FELDA itu semak kerana dipenuhi lalang, oleh kerana lalang itu merbahaya atau kerana rumput kering yang menyebabkan kebakaran?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, biasanya punca kebakaran ini berlaku ialah oleh kerana kecuaiian api rokok terbuang ataupun api yang dinyalakan bagi memasak air waktu bekerja lupa dipadamkan dan atau sebagainya. Masalah alat-alat yang boleh menyebabkan kebakaran itu berleluasa adalah bergantung kepada jenisnya lalang pun boleh terbakar, sampah sarap pun boleh terbakar, rumput pun boleh terbakar, segala-galanya boleh terbakar di waktu musim kemarau. (Ketawa).

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada penyelidikan Kementerian ini sendiri dapatkah Kementerian ini menyiasat bahawa kebakaran ini juga berlaku oleh kerana pengkhianatan daripada penjahat-penjahat komunis misalnya yang sengaja hendak menggagalkan rancangan Kerajaan. Adakah ini satu daripada punca dan kalau ya, sudahkah dapat dikesan punca-punca yang macam ini?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita sedar bahawa penjahat-penjahat komunis itu memang sentiasa berniat bercadang hendak menggagalkan sebarang rancangan Kerajaan tetapi di dalam hubungan kebakaran yang berlaku dalam FELDA ini setakat ini belum kita temui bukti-bukti yang nyata.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedia hendak belajar dengan ladang-ladang besar Eropah bahawa ladang mereka sangat kurang kebakaran tidak seperti ladang-ladang agensi Kerajaan.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, daripada 700,000 ekar lebih ladang yang dipunyai oleh FELDA yang terlibat hanya 4,000 ekar sahaja. Dan ini dapat kita buktikan dengan sendirinya bahawa kebakaran yang berlaku di ladang FELDA ini tidaklah lebih besar daripada kebakaran yang berlaku di ladang-ladang swasta yang lain, jika tidak pun kurang daripada itu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun

mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat.” (26hb April, 1976)

3.33 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, masa Dewan ditangguhkan semalam saya sedang menyarankan berkenaan dengan Rukun Tetangga di mana yang saya menyatakan pengwartaannya terlalu lewat, manakala lewat pendaftaran itu bermacam-macam masalah timbul Jawatankuasa yang mengelolakan penubuhan Rukun Tetangga itu mendapat kesulitan. Jadi, perkara ini saya harap Kementerian yang bertanggungjawab supaya tidak mengisytiharkan kawasan Rukun Tetangga itu lebih dahulu sebelum lagi pengwartaan dibuat di dalam Warta Kerajaan, supaya Ahli-ahli Jawatankuasa yang mengelolai kawasan satu Rukun Tetangga itu tidak bertelingkah atau berselisih faham di antara satu dengan satu, manakala telah diwartakan maka bolehlah dijalankan kuat kuasa Peraturan-peraturan perlu (Rukun Tetangga) yang ada pada masa ini. Itulah permohonan saya berkenaan dengan Rukun Tetangga.

Untuk menghabiskan masa yang diuntukkan kepada saya, saya suka bercakap sedikit di dalam Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan ini adalah satu Kementerian yang paling mustahak sekali kerana keselamatan negara kita tergantung di atas usaha dan bijaksana tadbir Kementerian Pertahanan. Pada akhir-akhir ini saya mendengar suara-suara sumbang yang boleh didengar kerana kita tidak dapat selalu pergi ke Kementerian Pertahanan itu, ada suara mengatakan bahawa alat-alat yang dibekalkan kepada pasukan keselamatan kita yang ada ini tidak begitu sesuai. Walaupun suara ini suara sumbang, saya harap pihak Kementerian Pertahanan tidak memberi jawapan semua senjata, semua alat, semuanya baik. Saya tidak hendak jawapan itu, yang saya hendak suara sumbang yang saya sampaikan ini dapat dibuat penyiasatan andai kata ada perkara ini berlaku tolong baiki dengan segera, kerana negara kita sedang menghadapi ancaman yang paling berat. Kalau tidak

silap pendengaran saya warta berita tengah-hari tadi satu perkara yang menyedihkan telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan senjata atau alat yang tidak sesuai, saya dengan suara sumbang macam kereta kebal yang dibeli tidak boleh digunakan di negara kita ini. Kereta-kereta kebal itu layak digunakan di padang pasir. Saya juga mendengar suara sumbang ini kalau kereta ini hendak datang ke Kuala Lumpur dari Pantai Timur tidak berani melalui jalan di Bentong, kerana takut keselamatan pemandunya tidak terjamin, kerana kereta ini lain pula keadaannya bila dia rosak dia terus berjalan juga, dia tidak kira gaungkah, batukah, dia lanyak sama sekali. Suara sumbang ini juga saya suarakan di sini, senapang-senapang tentera-tentera kita juga akhir-akhir ini tidak begitu memuaskan. Sekali tembak sudah berhenti tidak boleh digunakan lagi, tetapi rupanya cantik, ringan, senang dibawa, senang dilihat tetapi tidak ada memberi faedah kepada anggota-anggota pasukan keselamatan. Kalau ini benar, saya tidak berkehendakkan Kementerian ini menjawab perkataan saya ini tidak benar, kerana yang saya sampaikan ini suara sumbang, tetapi saya harap tolong siasat. Kalau benar perkara ini cubalah atasi, tidak usahlah jawab di dalam Dewan ini, takut barangkali keselamatan negara kita ini akan terjejas, tetapi tolonglah siasat dan baik.

Begitu juga akhir-akhir ini kita mendengar banyak Pegawai-pegawai daripada angkatan tentera kita hendak mengundurkan diri dan banyak sudah mengundurkan diri dan berapa banyak lagi yang akan mengundurkan diri tidak diketahui. Jadi, perkara ini saya harap pihak Kementerian Pertahanan tolong siasat. Kalau sekiranya gaji mereka itu tidak sesuai dengan serta-merta naikkanlah gaji mereka itu, kerana mereka ini berjuang bukannya dalam pekan, bukannya di dalam bilik berhawa dingin, dia berjuang di dalam hutan, dalam ribut taufan dan di dalam embun yang menitik di waktu malam. Jadi, rasa saya gaji ini patut jugalah ditimbang, walaupun barangkali kalau tidak silap saya dua minggu sudah Timbalan Menteri Pertahanan telah menyarankan di dalam akhbar bahawa gaji tentera kita akan dinaikkan, tetapi tidak tahu bila. Saya harap pihak Kementerian di dalam masa yang tenat ini dan di dalam masa yang keselamatan negara kita ini serious tetapi terkawal kata pemimpin-pemimpin

kita, perkataan tetapi ini ada banyak istilah yang boleh kita maknakan. Jadi, saya harap perkara ini pandang berat oleh pihak Kementerian Pertahanan.

Sekianlah sahaja dan saya adalah menyokong usul yang dibawa oleh rakan saya.

3.39 *ptg.*

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih peluang yang diberi kepada saya. Saya bangun adalah turut sama memberikan sokongan atas usul yang ada di hadapan kita ini. Selain daripada itu, saya gemar memberikan beberapa pandangan dan teguran-teguran berhubung dengan polisi atau dasar Kerajaan di dalam masa pemerintahan Baginda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa yang akan datang.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan semalam telah saya katakan Kerajaan sayugia mendirikan sebuah istana baru bagi tempat persemayaman Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Ketua Negara kita. Sebab pada masa ini kita ada sebuah istana dengan kemurahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menganugerahkan atau menghadiahkan istananya yang ada sekarang. Menurut hemah saya tidak sesuai sangat bahawa beberapa pembangunan telah kita ujudkan di dalam negeri ini maka rumah ketua negara sebagai simbol negara kita ini tidak dapat kita buat. Kita tidak rugi kalau bangunan ini memakan belanja berjuta-juta ringgit kerana dia boleh digunakan bertahun-tahun lamanya. Saya berharap di dalam Rancangan Malaysia Ketiga bahawa satu kompleks istana baharu akan dapat dibuat untuk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dasar Ekonomi Baru saya ulangi supaya Kerajaan mengkaji semula dan membetulkan kelemahan-kelemahan yang sedang berjalan sekarang dalam pada melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu supaya dapat benar-benar memenuhi matlamat yang dikehendaki oleh Kerajaan dan oleh negara ini. Di samping itu, dari segi pembangunan kita sangat bersetuju bahawa Kerajaan akan memberi perhatian kepada negeri-negeri yang kurang maju. Tetapi saya gemar memberi ingat kepada Kerajaan supaya jangan mengabaikan kepada negeri-negeri yang berupa maju sebab

dengan mengabaikan segala rancangan-rancangan kompleks pada negeri-negeri yang berupa maju itu akan menjejaskan ekonomi negara ini, kerana daripada hasil negeri-negeri yang berupa maju itulah yang akan mengalirkan hasil-mahsul negara Persekutuan ini dan dengan itu akan dapat membangunkan negeri-negeri yang kurang maju. Saya beri satu contoh, negeri yang berupa maju; bukan sudah maju. Negeri saya, Negeri Johor tidak dapat perhatian sebab negeri itu berupa maju. Tetapi kalau Kerajaan menghentikan atau mengabaikan segala kehendak-kehendak projek dalam negeri Johor itu, saya rasa bahawa itu akan menjejaskan ekonomi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri perhatian kepada Dewan ini di antara perkara yang sangat besar yang ada kaitan dengan Kerajaan Persekutuan pada negeri Johor iaitu yang saya anggap sebuah negeri yang gagah di Persekutuan Malaysia ini mengeluarkan hasil-hasil terutama sekali bahan-bahan mentah seperti getah dan kelapa sawit. Tidak ada negeri dalam Malaysia ini yang banyak mengeluarkan hasil getah yang bermutu tinggi selain daripada negeri saya, negeri Johor. Tetapi kalau projek ini tidak dapat dilaksanakan banyak Jabatan-jabatan tidak mahu memberi kerjasama dalam rancangan Negeri Johor ini. Hasil yang kita harap untuk Perbendaharaan negara ini tidak akan dapat diperolehi dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Negeri Johor pertama sekali saya minta Kerajaan memberikan perhatian iaitu kita telah bermodal dengan Pelabuhan Pasir Gudang. Tetapi Pasir Gudang yang ada itu adakah pada saat sekarang telah menghasilkan balik usaha-usaha yang telah kita buat?

Yang kedua, lapanganterbang Senai kita hendak naikkan tarafnya sebagai lapanganterbang antarabangsa, tetapi penumpang-penumpang masih takut hendak menaiki kapalterbang di Senai, sebab beberapa kelemahan-kelemahan telah berlaku di kawasan itu.

Selain daripada itu Kompleks Kastam. Tuan Yang di-Pertua harus tahu bahawa hasil-mahsul yang akan dialirkan ke Singapura terlampau banyak daripada masa ke semasa samada getah atau kayu balak. Kalau pada hari Sabtu kira-kira tiga batu lori pengangkutan berbaris atau beratut hendak menunggu pemeriksaan Kastam supaya

mereka dapat keluar ke Singapura dengan pantas. Ada kalanya pemandu-pemandu lori itu menunggu sampai dua hari baru selesai. Masaalah ini kalau tidak diatasi bukan sahaja akan menyusahkan rakyat, juga mengurangkan penghasilan di Jabatan Kastam oleh sebab kelemahan-kelemahan itu. Oleh itu kesesakan di Johor Bahru itu patut diperhatikan. Pertama sekali, bangunan polis yang ada di Johor Bahru dan juga bangunan jel yang ada di Johor Bahru patut dipindahkan ke satu kawasan yang lain supaya keadaan di Johor Bahru itu tidak begitu sesak kerana perbandaran Johor Bahru pada masa sekarang telah meningkat maju. Ia akan menandingi Bandaraya Kuala Lumpur ini pada suatu masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di Johor ada dua projek raksaksa yang besar iaitu projek Johor Tenggara dan Projek Perairan Johor Barat. Ini melibatkan 1½ juta ekar kawasan tanah pertanian yang akan dipulihkan samada ditanam semula dan dengan ini dia akan merobohkan keadaan hidup petani dalam negeri Johor. Tetapi kalau Kerajaan Pusat mengabaikan projek ini akan mendatangkan mudarat, menderita kepada petani-petani dalam negeri Johor yang ada kaitan dengan projek besar ini iaitu tidak kurang daripada 600,000 orang manusia. Saya harap projek ini berjalan mengikut jadual. Kalau sekiranya tidak mengikut jadual maka beberapa masalah akan timbul. Maka beberapa kehampaan kepada rakyat yang terlibat kepada projek ini akan mengalami berlanjutan.

Selain daripada itu, satu perkara yang berlaku di dalam Negeri Johor baru-baru ini ialah berhubung dengan kekurangan air. Negeri Johor satu negeri yang pantas membekalkan air ke kampung-kampung dan rakyat di sana sedar bahawa air paip ialah air yang paling baik di sisi mereka dan mereka memang menyahut seruan Kerajaan, tetapi malangnya bila berlaku musim kemarau baru-baru ini beberapa daerah yang tertentu telah kekeringan air. Ini disebabkan tidak begitu tepatnya kajian pakar-pakar ekonomi kita berhubung dengan perairan di kawasan ini. Saya kata daerah yang paling hebat dan sengit kekurangan air ialah daerah saya, daerah Muar, Batu Pahat, Johor Bahru dan Segamat. Saya berharap Kerajaan Pusat akan mengikhtiarkan dengan seberapa yang boleh meminjamkan wang daripada mana-mana bank untuk projek memberikan kepada Kerajaan Negeri membuat projek bekalan

air paip di daerah-daerah yang telah saya sebutkan. Kalau ini diabaikan, saya khuatir orang-orang Negeri Johor akan balik semula meminum air parit. Bila minum air di parit atau di sungai akan kembalilah orang Johor tidak sihat dan tidak waras sebagaimana negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh mengenai perkara keselamatan dalam negeri. Saya harap Kerajaan akan mengkaji semula perjanjian keselamatan dengan Kerajaan Thailand. Beberapa kelemahan yang ada dalam peruntukan perjanjian kita sekarang menyebabkan pasukan keselamatan kita bila mana hendak menjalankan tugas bagi menghapuskan pegganas kominis yang ada dalam negeri kita asalkan kemudian lari dalam kawasan Thailand tidak boleh mengambil tindakan. Kerajaan Thailand membuat bantahan bahawa Kerajaan Malaysia tidak dibenar menggunakan senjata-senjata berat dalam kawasan mereka padahal pegganas-peggnas kominis itu ada dalam kawasan Thailand yang patut kita musnahkan. Saya fikir, kalau peruntukan yang ada ini kita tidak kaji dengan betul, dengan tepat kuat-kuasa Pasukan Keselamatan kita ini boleh digunakan kerana menghapuskan pegganas kominis, saya fikir pegganas kominis akan bermaharajalela dari satu masa ke satu masa, hatta semalam mereka berani tembak kapal-terbang kita, begitu kekuatan pegganas kominis yang ada di sempadan Thailand. Saya sebutkan dua tempat yang patut Kerajaan kaji, yang pertama di Betong. Di Betong ada 1,500 orang pegganas kominis daripada Malaysia, mereka melarikan diri ke Betong dan mereka mengatakan bahawa kami kominis tidak bermusuh dengan Kerajaan Thailand dan rakyat di Betong keturunan Thai dan juga lain-lain, semua mereka ini menjadi anggota kominis, bersimpati dengan pegganas kominis di Malaysia, dan anak-anak mereka yang berumur 17 tahun diberi latihan. Jadi sarang kominis yang besar sekali di sempadan kita ialah di Betong, yang kedua di Patani Selatan Siam. Di Patani Selatan Thailand, Tuan Yang di-Pertua, kita patut menyedarkan Kerajaan Thailand bahawa pegganas kominis yang ada di situ ada dua puak, satu puak pegganas kominis yang dinamakan Tentera Pembebasan Malaya terdiri daripada orang-orang China dan juga setengah-setengahnya orang-orang Thai.

Yang kedua, Tentera Pembebasan Islam. Orang-orang ini bukan kominis, Kiranya Kerajaan Thailand dapat memberikan fahaman yang betul kepada kita, rakyat Islam di Thailand ini akan bekerjasama dengan Kerajaan Thailand dan Kerajaan Malaysia untuk menghapuskan pegganas kominis atau mengurangkan pegganas kominis dari satu masa ke satu masa dan kita jadikan orang-orang Islam di tempat itu benteng kominis, sebab mereka tidak akan menerima idioloji kominis, mereka menerima idioloji Islam, Quran dan Hadith. Ini satu kepercayaan yang kuat boleh mempertahankan Thailand dan juga Malaysia. Mereka telah mengatur langkah dengan gagah pada masa sekarang semua calun-calun dalam pilihanraya negeri itu telah menang dengan baiknya. Saya tidak mencampuri masalah urusan dalam negeri itu, tetapi saya hendak memberitahu Kerajaan kerana ini adalah urusan keselamatan. Kalau kita tidak semak balik semula, tidak ada erti Pasukan Keselamatan musnah tiap-tiap kali dengan menerima maut daripada pegganas kominis, kerana kurang mendapat kerjasama daripada peruntukan perjanjian kita dengan Kerajaan Thailand. Menurut khabar yang diberitahu kepada saya bila pegganas kominis masuk dalam kawasan boundary Thailand, askar-askar Thailand tidak akan menembak mereka. Ini satu perjanjian antara kominis dengan Pasukan Polis di daerah-daerah itu. Saya bercakap ini dengan ikhlas demi kepentingan negara saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya gemar juga bercakap sedikit lagi dalam dasar luar negeri kita. Saya hendak bercakap dengan ringkas. Kalau kita telah menjadi ahli Badan Laut Antarabangsa, kita telah menghantar wakil-wakil kita ke Casablanca. Kita patut membuat satu pengesyoran kepada Badan Laut Antarabangsa ini bahawa Laut China Selatan itu patut diubah dan digantikan dengan Lautan ASEAN. Kalau Timur Tengah kita boleh ubah kepada Asia Barat, kenapa Laut China Selatan itu kita tidak boleh ubah kepada Laut ASEAN kerana telah sesuai masanya perubahan itu. Dan peta dunia boleh dapat menentukan perubahan ini. Saya percaya Kerajaan-kerajaan dunia yang simpati dengan kehendak ASEAN itu akan memersetujui dan akan terciptalah di peta dunia bahawa Laut China Selatan itu tidak disebut lagi tetapi akan disebut Laut ASEAN.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam keluarga ASEAN, satu perkara yang saya fikir patut Kerajaan Malaysia ini mengkaji dengan sedalam-dalamnya. Kiranya Thailand jatuh ke tangan kominis, saya fikir Malaysia dengan sekejap masa akan jatuh ke tangan kominis jua. Kita tidak harus berpegang teguh dengan kekuatan yang ada kepada negeri Thailand, tetapi perubahan yang ada di Indo-China itu akan pergi ke Thailand dan akan pergi ke Malaysia. Kiranya pemerintahan kominis ini berada di Malaysia bukan akan menjadi peperangan antara Pasukan Keselamatan pertahanan kita, antara kita dengan kominis, tetapi akan timbul peperangan perkauman dalam negeri ini yang lebih hebat yang akan menyaksikan rakyat yang tidak berdosa, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya mengesyorkan dan kepada Malaysia supaya membuat satu perjanjian pertahanan dengan Kerajaan Indonesia. Perjanjian Pertahanan yang saya maksudkan itu kalau Malaysia diserang, Indonesia berhak menolong dan membantu serangan-serangan dari luar begitu juga sebaliknya. Sebab, menurut anggapan saya, tidak ada sebuah negara dalam ASEAN yang tegas boleh menghapuskan penganas kominis itu melainkan Indonesia. Pandangan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memandang musuh kepada negara-negara kominis, sebab ini hak kita, hak sesebuah negara, hak asasi sebuah negara. Perjanjian pertahanan dengan Indonesia bagi menghapuskan penganas kominis ini, saya fikir perlu dibuat demi kepentingan kedua-dua buah Kerajaan dalam keluarga ASEAN. Kalau kita boleh buat perjanjian Peraturan Lima Negara, kenapa kita tidak boleh membuat perjanjian pertahanan dengan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya beri pujian kepada Menteri Pelajaran, sebab baharu-baharu ini beliau telah mengeluarkan peruntukan sebanyak \$1 juta iaitu memberikan latihan kepada guru-guru sementara menjadikan guru-guru yang terlatih. Ini saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan. Cuma yang saya minta kepada Kementerian Pelajaran ini mulai dari sekarang kita tidak boleh sebut guru sementara, tetapi hendaklah diubah kepada guru pelatih. Sebab bila kita sebut guru sementara, guru yang mengajar itu perasaannya tidak begitu senang, tidak begitu terjamin dan anak-anak yang menerima pelajaran daripada guru sementara itu juga berasa sangsi. Oleh itu, saya

menyarankan kepada Kementerian Pelajaran supaya sebutan guru sementara itu tidak diwujudkan tetapi dikatakan guru pelatih.

Saya minta tiga minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Terima kasih. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja yang begitu molek dan begitu padat, saya sangat dukacita tidak menyebutkan sedikit hal kedudukan perkembangan agama rasmi dalam negeri ini. Walaupun agama itu kuatkuasa Kerajaan Negeri, tetapi Kerajaan Pusat adalah mempunyai hak agama rasmi dalam negeri ini dan sekurang-kurangnya Wilayah Persekutuan itu duduk di bawah Kerajaan Persekutuan, ada Majlis Hal Ehwal Agama. Kenapa tidak disebutkan dalam Titah Di Raja, walhal kita berkehendakkan supaya rohani rakyat dalam negeri ini, samada Islam dan tidak Islam hendak kita baiki, tetapi alat yang membaikkan rohani itu tidak disebutkan dalam Titah Di Raja. Kita telah buat kerja banyak kerana Islam, kita buat dakwah secara besar-besaran, tetapi tidak disebutkan. Banyak peruntukan kewangan dikeluarkan kerana agama rasmi, tetapi malangnya Titah Di Raja itu tidak menyebutkan agama rasmi.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

4.00 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya turut sama membahaskan Titah Ucapan yang sedang dibahaskan pada hari ini. Saya menjunjung tinggi dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana pada keseluruhan ucapan dasar adalah menitikberatkan golongan yang miskin, pembangunan yang tidak seimbang antara negeri-negeri dalam Malaysia, masalah keselamatan negara, ekonomi dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini ingin menyentuh beberapa perkara mengenai ucapan dasar ini, yang pertama masalah kemiskinan. Perkara ini tidaklah boleh kita nafikan terutama sekali rakyat yang tinggal di luar-luar bandar, lebih-lebih lagi yang tinggal di pedalaman. Kehidupan mereka adalah susah dalam serba-serbi, baik dari

segi pembangunan mahupun dalam segi mata pencarian. Mereka hidup ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Punca-punca kemiskinan adalah kurangnya pembangunan terutama perhubungan dengan pusat-pusat bandar kecil. Segala hasil-hasil dari pendalaman sukar dibawa keluar disebabkan ketiadaan jalan-jalanraya, kalau adapun jalan-jalanrayanya hanya bertanah merah sahaja. Jalan-jalanraya yang bertanah merah ini hanya boleh digunakan dalam masa kemarau yang terdapat dalam 3-4 bulan sahaja dalam masa setahun. Saya syorkan supaya Kerajaan membina lebih banyak lagi jalan-jalanraya di luar-luar bandar, membuka lebih banyak lagi rancangan-rancangan tanah khasnya untuk orang-orang miskin yang tidak ada mempunyai tanah. Kalaulah Kerajaan tidak dapat melaksanakan perkara-perkara ini segala matlamat Kerajaan hendak memberi peluang kehidupan yang lebih sempurna kepada orang-orang miskin tidak akan berhasil, yang menderita ialah orang-orang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana datang dari negeri yang kurang maju yang jauh ketinggalan dari negeri-negeri lain dalam Malaysia ini dalam semua bidang di mana Kerajaan akan menyediakan beberapa formula baru untuk menambahkan kewangan kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti Trengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis. Itulah yang ditunggu-tunggu atau yang menjadi idaman setiap rakyat yang tinggal dalam negeri-negeri tersebut. Apa yang saya harapkan kepada Kerajaan supaya segala projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan janglah hanya ditumpukan kepada pusat-pusat bandar sahaja dan hendaklah menumpukan dengan sepenuh tenaga di daerah-daerah ataupun di kampung-kampung yang jauh di pendalaman. Saya rasa dengan cara ini setiap rakyat akan dapat menikmati segala projek pembangunan ini. Dalam melaksanakan projek-projek ini Kerajaan hendaklah mengawasi supaya projek-projek ini dapat dijalankan dengan berjaya dan dapat menguntungkan kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun yang lepas keadaan ekonomi negara kita telah begitu merosot sekali akibat kemerosotan ekonomi dunia. Untuk mengatasi masalah itu Kerajaan terpaksa membekukan jawatan-jawatan di Jabatan-jabatan Kerajaan. Saya rasa memandangkan keadaan

ekonomi negara pada hari ini nampaknya bertambah baik. Oleh itu, saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan hendaklah menimbangkan balik tentang pembekuan jawatan di Jabatan-jabatan Kerajaan kerana saya dapati pengangguran telah makin bertambah akibat ramainya belia-belia kita yang telah keluar dari bangku sekolah dan juga dari pusat-pusat pengajian tinggi. Akibat dari pembekuan ini saya dapati banyak belia-belia kita terutama dari luar-luar bandar yang telah berhijrah ke bandar-bandar besar untuk mencari pekerjaan di firma-firma ataupun swasta dan jawatan-jawatan atau pekerjaan yang terdapat dalam firma-firma adalah terhad, tidaklah kesemuanya mereka mendapat pekerjaan-pekerjaan itu. Apakala mereka tidak mendapat sebarang pekerjaan mereka senang sahaja terpengaruh dalam kegiatan-kegiatan jahat yang boleh merosakkan keamanan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang keempat ialah masalah keselamatan dalam negara. Masalah keselamatan negara adalah satu masalah yang penting dan setiap rakyat perlu sedar tentang peperangan menentang penganas komunis. Apa yang saya dapati ramai benar rakyat kita yang tidak mengetahui atau tidak disedari terutama yang tinggal di luar-luar bandar tentang ancaman-ancaman komunis, terutama sekali di sempadan Siam/Malaysia kerana mereka kurang mendapat penerangan-penerangan yang jelas. Jika sekiranya pihak Kerajaan dapat memberi penerangan-penerangan yang jelas kepada mereka ataupun rakyat di luar-luar bandar ini dengan mengadakan kursus-kursus ataupun sebaran-sebaran am dan lain-lain cara, maka saya rasa setiap rakyat dapat melibatkan diri dalam membantu Pasukan-pasukan Keselamatan kita dalam menentang ancaman-ancaman komunis ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya akan sentuh di sini iaitu mengenai masalah penuntut-penuntut kita yang menuntut di London yang mana penuntut-penuntut ini telah mengadakan penerangan dakwah yang disampaikan oleh Maha Guru dari Pakistan. Apa yang mendukacitakan kami sebagai ibu-bapa ialah di dalam penerangan itu beliau telah memberi petua-petua yang boleh mengelirukan penuntut-penuntut wanita yang mana penuntut-penuntut wanita dipaksa supaya jangan mengambil bahagian dalam semua bidang kerana katanya dalam Islam telah mengharamkan penglibatan

wanita menceburkan diri dalam semua lapangan. Perkara ini yang saya terima adalah daripada penuntut-penuntut di London yang telah menghantar surat-surat kepada ibu-bapa mereka. Saya memang merasa sangat dukacita dan berharap kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya di atas perkara-perkara yang seumpama ini kerana dakwah yang seumpama ini bukan sahaja mengelirukan penuntut-penuntut kita bahkan dakwah ini betul-betul akan menekankan kebebasan wanita untuk maju ke depan dan juga penerangan yang seumpama ini saya rasa akan memusnahkan, pengajaran-pengajaran ini boleh kembali kepada pengajaran-pengajaran di zaman jahilliah dahulu. Dengan ini saya berharap benar-benar kepada pihak yang berkenaan supaya dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dan menyasiat perkara-perkara ini dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

4.08 ptg.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk memberi ucapan dalam Dewan ini.

Perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan dalam Dewan ini adalah terutama terhadap keselamatan, kemiskinan dan perpaduan negara. Pada ketika ini saya rasa ini adalah isu-isu yang paling mustahak sekali untuk pembangunan negara dan patut dibahaskan dengan sepenuh-penuhnya supaya membolehkan rakyat di negara kita mengundi semula untuk menghadapi masa depan dengan kedudukan yang lebih baik. Masalah-masalah tersebut adalah berkait di antara satu dengan lain.

Mengenai keselamatan, sejak Perdana Menteri kita menyandang jawatannya dalam masa 3 bulan yang singkat ini telah berkali-kali menegaskan tentang masalah keselamatan di negara kita. Walaupun keselamatan di negara ini merupakan satu perkara yang serious akan tetapi keadaannya adalah terkawal. Sungguhpun begitu kita sebagai rakyat di negara ini tidak berfikir bekerjasama dalam penyelesaian masalah

keselamatan yang dihadapi sekarang ini maka mungkin ini akan lewat sedikit untuk kita menghadapi masa akan datang. Kita sedang berlawan dengan pengganas-pengganas baik di dalam hutan mahupun di kawasan-kawasan bandar. Kita sedang bertempur dengan anasir-anasir anti-nasional yang bersenjata. Mereka itu sedaya upaya hendak menjahanamkan negara kita yang makmur, aman dan damai serta berdemokratik. Dengan demikian semua rakyat dalam negara ini yang menilaikan keamanan, demokrasi berparlimen dan kemakmuran patut menyumbangkan segala tenaga mereka untuk membantu Kerajaan kita melawan orang yang benar-benar hendak meroboh serta cuba hendak menjahanamkan yayasan-yayasan yang telah dibina oleh kita dalam masa yang singkat iaitu 19 tahun selepas kemerdekaan kita.

Keselamatan negara adalah satu tanggungjawab rakyat Malaysia. Tugas menyelenggarakan keamanan dan keselamatan memerlukan penglibatan sepenuhnya dari seluruh rakyat Malaysia terutama pada masa yang merbahaya ini. Berkait dengan hal ini, saya hendak merayu kepada Kerajaan kita supaya menimbangkan dengan seriusnya tentang memulakan perkhidmatan nasional (national service) dalam negara kita pada ketika ini. Janganlah kita menunggu sehingga lewat sangat. Saya rasa ini adalah ketika yang paling baik sekali untuk mengadakan perkhidmatan seperti ini. Sebabsebab saya rasa ini patut diutamakan adalah seperti berikut:

- (a) Keadaan keselamatan pada ketika ini sangat serious.
- (b) Rakyat kita terutama golongan muda tidak mempunyai tindak balas yang mencukupi untuk melawan ancaman keselamatan.
- (c) Pelajar-pelajar muda kita tidak mempunyai disiplin yang mencukupi. Ini dapat dibuktikan dalam kekacauan yang berlaku dalam beberapa yayasan pelajaran tinggi baru-baru ini.
- (d) Rakyat kita tidak cukup bersatu padu.

Dengan mengadakan perkhidmatan nasional pada masa ini maka pemuda-pemuda terutamanya pelajar-pelajar yang sudah tamat sekolah boleh berkhidmat selama dua tahun untuk membantu Kerajaan menyelenggarakan keselamatan. Saya yakin bahawa melalui perkhidmatan nasional kita dapat

mengadakan sebuah negara yang lebih selamat, lebih senang dijalankan, lebih berdisiplin dan mempunyai penduduk-penduduk yang bersatupadu serta mungkin dapat menaikkan semangat rakyat dan menjadikan rakyat negara kita sebagai satu bangsa yang berkerakyatan daripada satu bangsa yang bermaterialistik seperti sekarang ini. Sebelum perkhidmatan nasional dapat ditubuhkan, saya merayu kepada semua rakyat dalam negara ini untuk menyokong RELA dan Rukun Tetangga di kawasan masing-masing kerana tujuan-tujuannya adalah untuk menentukan supaya keselamatan rakyat terjamin. Saya percaya bahawa kempen pengambilan angkatan bersenjata yang dilancarkan di antara rakyat baru-baru ini untuk mengambil lebih ramai rekrut ke dalam Angkatan Bersenjata dan Polis, sambutan dari kaum keturunan China di Malaysia adalah dingin. Ini adalah satu keadaan yang tidak sihat. Tanggungjawab mempertahankan negara dan menentang sebarang serangan dari luar ataupun dari dalam adalah tugas untuk semua rakyat. Oleh hal yang demikian, saya menyeru kepada semua rakyat keturunan China di Malaysia supaya menyokong kempen pengambilan rekrut yang dilancarkan oleh Angkatan Bersenjata dan Polis.

Sekali lagi saya hendak menggunakan peluang ini untuk merayu kepada semua kaum China di Malaysia supaya menyambut baik kempen ini. Oleh kerana sambutan yang dingin ini di ujudkan maka adalah bahaya bahawa mereka mungkin dituduh sebagai satu bangsa yang tidak ada tindak balas kepada sambutan dan kehendak-kehendak negara dan lebih teruk lagi mereka mungkin dianggap sebagai bangsa yang tidak taat setia kepada negara kita. Dengan kebenaran Menteri yang berkenaan saya ingin hendak mengumumkan kempen pengambilan rekrut ini kepada orang ramai dan saya menyeru kepada para politikus-politikus dari golongan China samada di dalam parti Kerajaan ataupun bukan supaya menyumbangkan tenaga mereka dengan secara sukarela untuk menjayakan kempen tersebut tanpa pertimbangan berat dalam Angkatan Bersenjata dan anggota Polis kemungkinan untuk melawan keadaan keselamatan sekarang ini dan juga dalam pemeliharaan keselamatan abadi dalam negara ini juga akan dicapai.

Perpaduan Negara

Hampir-hampir 20 tahun telah berlalu semenjak tercapainya kemerdekaan. Banyak kemajuan yang telah dibuat untuk memupuk satu kesedaran identiti dan juga untuk membina suatu masyarakat bangsa yang disatukan. Rakyat Malaysia tidak mampu hendak mengeneipkan kemajuan negara yang telah dinikmati hampir-hampir 20 tahun dan berbalik ke belakang dengan hidup berpuak-puak dan berkaum-kaum seperti di masa yang silam. Semua warganegara Malaysia tidak kira apa asal keturunan mestilah dengan tabah menentang rayuan-rayuan orang nasional yang mempunyai pandangan berpuak-puak itu dan dengan nekad mara ke hadapan ke arah perpaduan negara. Kita adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menghasilkan perpaduan Malaysia dan untuk mengubah hakikat suatu masyarakat Malaysia yang adil dan saksama seperti apa yang dilihat oleh Allahyarham Tun Razak dan penglibatannya itu belum lagi ditentang oleh sesiapa pun dalam negara ini. Untuk perkara ini apa yang Kerajaan mencuba dalam semua fungsi-fungsinya patut dibuat dengan persetujuan, perpaduan nasional. Masih banyak lagi yang patut dibaiki dalam banyak sektor tetapi saya suka hendak sentuh satu atau dua sektor yang utama yang menarik perhatian saya.

Pihak-pihak penyebaran khasnya akhbar-akhbar untuk bahasa bagi kaum-kaum di Malaysia belum ada apa-apa sumbangan kepada pencapaian perpaduan nasional. Akhbar-akhbar Melayu kebanyakan melapurkan berita Melayu, akhbar-akhbar China melapurkan berita China dan akhbar-akhbar Tamil melapurkan berita orang-orang India. Menitikberatkan kepentingan berita berpuak-puak supaya menarik pembaca-pembaca satu-satu bahagian merupakan sangat-sangat negative terhadap perpaduan nasional dan tidak ada memberi maklumat tentang puak-puak lain. Kejahilan seperti ini telah menyebabkan lebih perpecahan daripada perpaduan. Oleh sebab itu, saya merayu kepada akhbar-akhbar bagi semua kaum supaya ubahilah sedikit ruangan mereka dalam edaran mereka, jika perlu untuk menyumbang kepada perpaduan nasional dengan mencetak lebih berita dari kaum lain dalam akhbar-akhbar mereka.

Saya percaya bahawa dasar untuk menyusun rancangan pelajaran Kerajaan yang bertujuan untuk perpaduan nasional adalah

mencampurkan penuntut-penuntut dari berbagai-bagai kaum dalam semua yaysan pelajaran. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana begitu tegas dalam jawapannya kepada pertanyaan tentang dasar buka pintu bagi I.T.M. Beliau telah menegaskan bahawa Kerajaan sedang mencampurkan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah tetapi bagaimanapun dalam yaysan-yaysan pelajaran tinggi yang tertentu misalnya I.T.M. adalah berasingan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menerangkan hujah ini samada Kerajaan hendak mencampurkan semua sekali penuntut di yaysan pelajaran. Jika demikian, ini merupakan satu perselehan dalam dasar berkenaan dengan sikap kemasukan pelajar-pelajar ke I.T.M. Sekiranya ini adalah hajat Kerajaan untuk mengasingkan dalam segi kaum dalam yaysan pelajaran tinggi, maka saya ingin bertanya, bila perkara ini akan diberhentikan. Kalau kita adakan Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) untuk pelajar-pelajar China, I.T.M. untuk pelajar-pelajar Melayu atau Bumiputra, tidak lama lagi kaum India akan meminta sebuah kolej bagi kaum India yang bernama apa pun, saya tidak tahu sekarang, dan kemudian Orang Asli, orang Kadazan, orang Iban, orang Murut dan lain-lain meminta mengikut kaum maktab mereka sendiri. Oleh yang demikian, maka saya bertanya bagaimanakah kita hendak berhentikan perkara seperti ini. Adakah ini satu cara penyelesaiannya? Jika tidak, bolehkah saya merayu kepada Kerajaan supaya berani kerana untuk perpaduan nasional bolehlah kita membuat rancangan bagi jangka waktu panjang dengan mencampurkan semua sekali bangsa-bangsa di dalam yaysan pelajaran rendah, menengah dan tinggi yang semuanya saya percaya dengan mendekatkan pelajar-pelajar dari tekanan yang berlainan (different pressures) sekali melalui proses "osmosis" sebuah golongan pelajar dengan satu tekanan akan berlaku atau bertindak balas lebih cepat daripada kita mengasingkan pelajar yang bertekanan tinggi daripada yang bertekanan rendah.

(*Dengan izin*) I feel that if we put students of different pressures together, very quickly through a process of osmosis, we may obtain a one pressure students community. If we put students of high pressure and

separate them from students of low pressure, it will take a very long time before we can get a student community of two equal pressures, but if we put them together through a process of osmosis, of awareness to improve oneself through education, through what I refer to as a process of osmosis, we may very quickly get a one pressure community.

Kemiskinan

Masalah ekonomi yang utama sedang menentang Malaysia adalah datangnya dari dua sebab: Yang pertama, dengan wujudnya kemiskinan antara masyarakat, antara semua kaum baik di kawasan desa mahupun di bandar. Yang kedua, dengan wujudnya satu masyarakat semenjak zaman penjajah lagi yang mana peluang-peluang dan pekerjaan ditujukan kepada satu-satu golongan sahaja.

Saya suka hendak menegaskan di sini adalah terlalu banyak yang bercakap tentang kemiskinan tetapi tidak ada apa-apa tindakan telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini. Saya rasa kita patut mengkaji dengan baik-baik serta mengidentitikan kemiskinan dalam berbagai sektor, baik di kawasan-kawasan desa mahupun di bandar dan dengan berani serta ikhlas dalam percubaannya untuk membasmi kemiskinan. Sudah ada terlalu banyak yang suka mencari peluang politik di atas issue ini. Issue ini bukan sahaja banyak digunakan sebagai taktik anti-kominis bahkan pula patut dijadikan sebagai satu percubaan untuk membasmi kemiskinan bagi satu jangka waktu yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bercakap dalam Dewan ini.

4.29 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Titah Ucapan Di Raja yang dikemukakan oleh Datuk Dr Wee Khoo Hock.

Yang pertama, saya suka menarik perhatian Majlis ini kepada Pejabat Penerangan iaitu berkenaan dengan siaran Radio dan Talivisyen pada hari ini tidaklah memuaskan hati rakyat kerana apa yang ditunjukkan atau ditayangkan oleh Talivisyen tidaklah sesuai, setengah-setengah rancangan itu

memburukkan kaum wanita. Baharu-baharu ini sebagaimana yang dibuat oleh pelawak Normadiyah, ini satu perkara yang tidak patut ditayang atau ditunjukkan, sebab menjatuhkan maruah wanita. Dan lagi yang mana saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat selalu bercakap di dalam Dewan ini panjang memberi ulasan, tetapi berkenaan dengan wanita saya lihat Yang Berhormat Ustazah Salmah bercakap pendek dan sedikit sangat. Ini satu perkara yang tidak patut.

Yang kedua, saya sambong berkenaan dengan dakwah Islamiah. Bukanlah saya hendak menegah atau bukan saya hendak menahan apa yang dibuat oleh Kerajaan atau yang dibuat oleh segolongan pihak, dakwah ini hendaklah sebetul-betulnya dakwah yang berasaskan ugama Islam yang disuruh oleh Allah yang dasarnya di dalam hadith dan Quran. Tidak sebagaimana dakwah-dakwah yang dibuat oleh setengah-setengah penuntut hari ini sehingga mengelirukan setengah-setengah puteri sehingga bermacam-macam anika warna telah jadi. Ini patut Kerajaan mengambil tindakan dengan sewajarnya supaya tidak ada dakwah-dakwah yang tidak sesuai dengan ugama. Saya tahu walaupun apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Puan Zawiyah tadi telah menahan wanita-wanita mengambil bahagian di dalam segala lapangan, tetapi di zaman Nabi Muhammad sallallahualaihi wasallam juga Siti Fatimah dan Saidina Aishah telah berjuang bersama-sama bernaftian dengan Rasullullah, tidak dilarang oleh Rasullullah, tidak dilarang oleh ugama tetapi hendaklah dibatas dari segi ugama. Ini sepatutnya diambil perhatian oleh Kerajaan sebab wang itu dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, tetapi bila sampai di maktab mereka telah membuat haru dan kacau.

Berkenaan dengan Kementerian Pertahanan, saya juga bersimpati dengan kematian yang telah berlaku terhadap tentera kita. Pada hari semalam telah berlaku lagi. Saya sudah minta mula-mula saya berada di dalam Dewan ini supaya anak-anak kita yang berhenti dari sekolah Darjah Enam hendaklah diambil murid-murid itu dihantar ke sekolah tentera atau dilatihkan dengan sempurna supaya murid-murid ini tidak tergelincir atau tidak ada makan dadah atau tidak masuk kominis, tetapi hari ini apa yang saya katakan itu telah berlaku. Saya berharap kepada Menteri Pertahanan kalau

hendak ronda, janganlah satu sahaja kapal-terbang atau helikopter, sebab semalam dengan adanya satu rondaan maka ditembak jatuh mati, maka aniaya sahaja. Oleh itu, mesti ada dua tiga kapal-terbang masa meronda bagi menjaga keselamatan. Kalau satu jatuh, ada lagi boleh menembak balas.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik banyak orang bercakap kemiskinan orang-orang di luar bandar, tetapi dalam bandar juga ada orang yang miskin, tetapi hendaklah jangan selalu kita melaung di sini supaya kita hapuskan kemiskinan. Kita pemimpin-pemimpin yang ada sepatutnya kita membuat satu dasar, kita membuat satu polisi bagaimana kita boleh menghapuskan kemiskinan yang ada di bandar-bandar. Saya bukan hendak menegah atau hendak menuduh sesiapa, sebab saya tahu hari ini ada banyak orang yang senang dalam perniagaan dan ekonomi. Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Saya bukanlah bermuka-muka atau hendak mengampu, sebab bukan saya dapat apa-apa, tetapi saya telah lihat, saya telah bawa beberapa orang di dalam Kementerian itu beliau tidak menolak satu orang pun. Apa yang dimintakan diberi sebab kemiskinan. Sekarang saya lihat orang yang sudah diberi itu ada motokar, ada motosikal dan ada yang sudah berumah. Ini patut kita berikhtiar supaya jangan kita melupakan rakyat. Kalau kita duduk di sini hendak bercakap atau hendak menuduh Menteri itu dan Menteri ini, bukan semua Menteri yang jahat, bukan semua Menteri kita susah hendak jumpa. Saya rasa Menteri-menteri senang hendak jumpa.

Sekarang saya bercakap berkenaan Kementerian Kesihatan. Baharu-baharu ini telah diumumkan bayaran hospital beranak dikenakan \$75.00 kalau hendak beranak. Tetapi kalau orang yang tidak ada \$75.00 itu apakah akan jadi. Adakah biar sakit di jalan beranak di jalan? Ini satu perkara yang tidak patut. Siapakah orang yang hendak sokong si miskin ini?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah mengambil perhatian rancangan yang dibuat oleh Menteri Kesihatan. Apa yang saya hendak bercakap tidaklah banyak. Saya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk atau saya hendak minta satu minit, saya tidak suka. Saya minta di Dewan yang mulia dan yang terhormat ini, kita Ahli

Dewan Negara adalah satu Ahli yang terbesar sekali di Malaysia, maka kita janganlah bercakap perkauman kerana perkauman inilah timbul kominis. Kita hendak bercakap biarlah bersama-sama, Malaysia ini adalah hak kepunyaan kita. Kita jangan campor-aduk selalu hendak bercakap Melayu, India, China, maka di manakah kedudukan Rukun Tetangga, di manakah Rela. Ini semua tak patut kita bercakap kerana bila bercakap orang yang di luar dengar hati dia hangat dan mengatakan Kerajaan tak betul, maka aku hendak masuk kominis.

Kelmarin saudara saya bercakap susah dapat minyak gas. Saya rasa di Pulau Pinang tidak susah, tetapi ekonomi yang merosot. Menteri beri apa yang diminta oleh orang-orang kita, tetapi ajen-ajen itu tidak beri peluang kepada bumiputra. Tindakan patut diambil di masa akan datang. Saya tidak menafikan Menteri Perdagangan dan Perindustrian banyak membuat rancangan dan juga beliau selalu berjalan lain tempat terbang ke sana ke sini untuk memajukan orang-orang bumiputra, tetapi selalu saya dengar hendak menyoal dan marah, kita ramai-ramai Ahli Dewan Negara ini pergi jumpa Menteri Perdagangan dan Perindustrian apa yang kita hendak supaya semua orang Melayu, orang China, orang India dapat keuntungan. Kita jangan bercakap perkauman. Dari itu dalam Dewan ini juga janganlah suka bercakap menyinggong antara satu dengan lain. Sungguhpun saya tidak memahami bahasa Inggeris, tetapi kelmarin perkara ini ada berlaku. Seorang Ahli bangun berbahas dengan Ahli yang lain. Kita cuma memberi pandangan kepada Kerajaan terhadap perkara-perkara yang belum dibuat supaya dapat bersama-sama kita menerima nikmat yang akan datang.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat Tuan Yang di-Pertua lihat jam. Tuan Yang di-Pertua telah memberi peluang kepada saya, tetapi saya berharap kalau Tuan Yang di-Pertua beri 20 minit, tolonglah lihat jangan beri orang lain 25 minit; saya nanti marah kepada Yang di-Pertua.

4.40 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock.

Mula-mula sekali sukalah saya menyentuh mengenai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu bersangkutan dengan kejadian jenayah yang menjadi-jadi di negara kita ini. Sungguhpun perkara ini tidak seperti mana gerakan kominis, tetapi ada kaitan dengannya, oleh itu Kerajaan kita patut mengambil berat. Di dalam soal ini banyak kita mendengar kejadian-kejadian terutama sekali di Ibu Kota sahaja seperti di Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang berlaku rompakan-rompakan di bank dan di kedai-kedai yang terbesar. Di dalam soal ini kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan juga pihak Polis yang dapat mematahkan beberapa rompakan dan sehingga melibatkan beberapa jiwa terkorban di pihak pasukan Polis kita. Jadi apa yang kita harapkan ialah supaya pihak Yang Berhormat Menteri ataupun Kementerian yang berkenaan dapat mencari jalan untuk menyediakan alat-alat dan senjata-senjata moden ataupun menubuhkan sebuah jawatankuasa khas dalam perkara ini bagi mengatasi masalah-masalah yang berlaku ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini di Negeri Perlis juga tidak kurang berlakunya kejadian samun, curi, memerah wang, seperti kecurian kereta motor yang sering berlaku. Kita sungguh merasa hairan apabila berlaku kejadian curi kereta jarang sekali dapat dikesan pencuri-pencuri ini. Bagi penduduk-penduduk di Negeri Perlis yang mempunyai kereta ini berasa gelisah dan tidak dapat tidur tiap-tiap malam kerana bimbangkan hal-hal tersebut, dan seperti itu jugalah beberapa kejadian menuntut wang tebusan dari pekerja-pekerja terutama sekali yang berlaku baru-baru ini di mana pemerahan wang kepada pekerja-pekerja di Kilang Gula di Negeri Perlis. Setelah pekerja-pekerja itu di colek oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab maka wang-wang tebusan telah diminta kepada waris-waris atau kepada kilang itu sendiri. Selepas wang tebusan itu diberi maka barulah dipulangkan balik orang-orang yang telah dicolek itu. Baru-baru ini pihak pasukan keselamatan kita telah dapat menembak sehingga mati dua orang daripada penjahat-penjahat itu. Di sini saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada pihak Polis dan pihak pasukan keselamatan yang telah dapat menumpaskan pihak-pihak penjahat itu. Walaupun begitu

rasa kebimbangan di kalangan pekerja-pekerja kilang, terutama sekali yang berhampiran dengan sempadan seperti kilang gula dan kilang simin yang ada di Negeri Perlis. Saya berasa bimbang dengan kejadian-kejadian ini boleh menakutkan dan melemahkan kepada pekerja-pekerja yang akan bekerja di kilang-kilang tersebut sehingga mengakibatkan kelumpuhan kepada perjalanan kilang-kilang itu. Kita berharap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat mencari jalan bagi mengatasi kejadian ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie, baru-baru ini beliau telah melawat ke Negeri Perlis dan telah membuat perjumpaan dengan parti-parti politik dan ketua-ketua jabatan untuk berdialog, merancang, bertukar-tukar fikiran dan mencari jalan bagi mengatasi masalah-masalah yang sedang berlaku sekarang di negara kita khususnya di Negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan hal nelayan pula kita merasa sukacita kerana beberapa langkah telah diambil untuk menolong kaum-nelayan iaitu dengan adanya penubuhan syarikat-syarikat nelayan dan juga penubuhan kesatuan-kesatuan nelayan, sedikit sebanyak telah membawa kebaikan kepada mereka. Walau bagaimanapun, beberapa masalah lagi seperti pemasaran dan mendapatkan alat-alat kerja yang lebih sesuai dan sebagainya adalah diminta perhatian yang lebih daripada Kementerian dan juga Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keselamatan di perairan kita rasanya tidak dapat dilupakan beberapa kejadian yang telah berlaku di perairan negeri ini yang mengganggu nelayan dan orang ramai seperti kejadian samun, rompak, ugut dan juga sehingga kepada perbuatan bunuh-membunuh. Walaupun Kerajaan dan pasukan keselamatan telah menyekat kejadian tersebut, akan tetapi masih lagi terasa bagi nelayan dan orang ramai bahaya itu masih belum habis dan harus boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Oleh kerana perbuatan tersebut telah menyebabkan sedikit sebanyak menyusahkan kepada mereka, saya meminta supaya Kerajaan dan pasukan keselamatan menguatkan lagi kawalan samada di pantai atau di perairan negara ini dengan menambah lebih banyak lagi anggota pasukan keselamatan dan sebagainya.

Saya juga menyokong penuh langkah Kerajaan menubuhkan Pasukan RELA terutama di kawasan yang tersebut kerana dengan adanya Pasukan yang demikian akan dapat menjamin keselamatan nelayan dan orang ramai.

Mengenai dengan langkah Kerajaan membuat perhubungan dengan Kerajaan Thailand untuk berunding dan mencari jalan bagi mengatasi masalah bersama dan juga lain-lain perkara bersangkutan dengan keselamatan, saya berpendapat bahawa usaha-usaha itu adalah satu langkah yang bijak dan sangat baik, kerana dengan adanya kerjasama dan persefahaman kedua-dua pihak, maka diharapkan segala rupa keganasan akan dapat dihapuskan. Di samping menyokong langkah tersebut kita berharap usaha-usaha yang demikian hendaklah diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hal keselamatan saya menyokong segala langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menghadapi anasir pengacau itu. Keberanian, kesanggupan dan keazaman pasukan keselamatan dalam menghadapi perkara tersebut dengan tidak menghiraukan keselamatan diri dan sebagainya telah menyebabkan puak-puak pengacau itu kehilangan semangat dan tidak berketentuan arah lagi. Dengan demikian sudah sampai masanya bagi Kerajaan mengenang budi dan jasa mereka itu dengan sepenuh-penuhnya. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengistiharkan untuk mengkaji semula gaji anggota pasukan keselamatan terutama di peringkat rendah. Ini adalah satu pengistiharan yang bijak dan sesuai kerana soal layanan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan adalah berkait rapat dengan soal ketenangan jiwa dan semangat mereka itu dalam menghadapi tugas yang berat, kerana kita sendiri dapat merasai bagaimana seseorang itu akan dapat menghadapi tanggungjawab yang begitu besar sekiranya di kepalanya sentiasa dipenuhi dengan soal-soal kesulitan rumahtangga yang disebabkan oleh pendapatan yang agak tidak sepadan itu. Oleh itu, saya menyokong penuh pengistiharan Yang Amat Berhormat itu, di samping itu saya juga berharap supaya sesuatu usaha patutlah dibuat bagi mengeratkan lagi persefahaman, kerjasama dan persahabatan di antara orang ramai dengan pasukan keselamatan iaitu mengadakan Hari Keselamatan di mana semua pejabat polis ataupun kem

askar mengadakan hari terbuka dengan mempelawa orang ramai ke tempat-tempat tersebut. Saya rasa dengan berbuat demikian akan dapat menimbulkan rasa muhibbah terhadap pasukan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh hal pertanian oleh sebab kawasan pertanian di kawasan Perairan MUDA maka tempat tumpuan kita untuk mengatasi kerumitan itu adalah sepenuh-penuhnya dibebankan kepada MADA, dengan harapan supaya MADA dapat mengikhtiarkan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, tetapi kadangkala berlaku juga beberapa keanehan yang ditimbulkan oleh MADA sendiri yang menyebabkan kaum-kaum tani menjadi serba salah. Misalnya, soal ketetapan turun ke bendang. Apa yang dilakukan oleh MADA ialah membuat ketentuan masa untuk turun bekerja menabur, menanam dan sebagainya, tetapi yang hairannya kerana pada tarikh itu tanah itu belum lagi ada air, tanah masih kering kontang. Bila berlaku demikian maka timbul tuduhan bahawa MADA tidak ber-sungguh-sungguh atau main-main sahaja dalam soal tersebut. Dengan keadaan demikian apakala Kerajaan atau MADA mengisytiharkan kenaikan cukai air, maka kedengaran suara bantahan dengan mengatakan kenaikan itu tidak patut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi bersangkutan dengan kepentingan kaum peladang ialah undang-undang sewa menyewa tanah. Sebenarnya undang-undang ini telah lama diwujudkan di negara ini dan tujuannya memang baik iaitu untuk mengatasi segala rupa pertelingkahan yang selalu timbul di antara tuan-tuan tanah dan penyewa tanah, tetapi malangnya kerana setelah beberapa tahun undang-undang itu diwujudkan maka bilangan orang-orang yang menggunakan adalah tersangat sedikit. Menurut perangkaan yang ada di pejabat yang berkenaan bahawa jumlah ini adalah seperti berikut: Bagi tahun 1974, 1975 dan sehingga bulan April, 1976 hanya 15 permohonan baru diterima untuk membuat perjanjian. Kita boleh bertanya mengapakah satu undang-undang yang diperbuat bagi menjamin suasana yang baik antara pihak yang berkenaan tidak diterima dengan sebaiknya. Ini sudah tentu menunjukkan bahawa mereka yang berkenaan tidak begitu berpuas hati dengan undang-undang tersebut. Dengan demikian saya meminta kepada Kerajaan supaya mengkaji semula undang-undang

sewa-menyewa tanah dengan memperbaiki, menambah dan menyesuaikan di mana perlu, supaya dapat diterima oleh kedua pihak iaitu pihak tuan tanah dan pihak yang menyewa. Kalaulah dapat dibuat demikian, dan undang-undang ini diterima dan dipakai oleh mereka itu, maka akan timbullah rasa muhibbah antara tuan tanah dengan penyewa yang mana antara kedua golongan itu adalah merupakan golongan yang tidak dapat dipisahkan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kalau kita hendak membincangkan kesulitan dan kerumitan bersangkutan dengan tanah maka banyak benar yang boleh dikemukakan di sini iaitu seperti soal kesusahan membayar hasil bagi tanah-tanah yang tuannya banyak bagi sekeping geran. Masalah pertelingkahan menentukan hak masing-masing dan berbagai-bagai lagi. Dengan demikian bagi mengatasi hal ini maka saya berharap supaya Kerajaan dapat mengadakan sebuah jawatankuasa tanah untuk mengkaji semula segala peraturan yang ada sekarang ini dari segala aspek bagi menentukan sebarang kelemahan atau kekurangan di dalamnya dan membuat syor-syor baru dan kongkrit bagi mengatasi kerumitan itu.

Seperkara lagi yang selalu dibangkitkan di dalam perairan MUDA ialah apakah matlamat MADA yang mengawasi perairan MUDA sekarang ini. Saya membangkitkan masalah ini kerana kaum petani tertanya-tanya bahawa sebagai sebuah badan yang berkuasa di kawasan yang agak luas itu dan juga mendapat peruntukan dari Kerajaan apakah MADA telah menjalankan sesuatu rancangan untuk membawa petani-petani di kawasan MADA itu ke satu matlamat yang lebih bermakna. Umpamanya masalah mengumpul kaum tani dalam satu gabungan menggerakkan mereka ke arah pembinaan ekonomi yang lebih tinggi ataupun mencari jalan untuk mengadakan satu kumpulanwang modal daripada petani bagi mengadakan satu projek raksaksa samada merupakan perusahaan, perkilangan dan sebagainya dalam kawasan MADA itu. Sekiranya hal tersebut telah ada dalam kajian, saya berharap dapat disegerakan.

Seperkara lagi ialah bersangkutan dengan bantuan untuk peladang-peladang. Nampaknya peladang-peladang di bawah L.P.P. adalah lebih beruntung kerana selalu mendapat

bantuan dan hadiah-hadiah jika dibandingkan dengan peladang-peladang di bawah MADA. Misalnya di masa-masa yang akhir ini kita dapati Ketua Pengarah L.P.P. telah datang ke Perlis beberapa kali dan tiap kali datang ada-ada sahaja membawa hadiah dan bantuan kepada peladang-peladang di bawah L.P.P.

Selain daripada itu sukalah saya menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan iaitu mengenai kenderaan daripada negara asing yang sedang mengambil sewa dan menjalankan bas-bas di negara kita ini khususnya bas dari negara Thailand yang datang ke sini dengan mengambil sewa. Apakah tindakan dan perhatian serius Kementerian Pengangkutan di dalam soal ini? Perkara ini telah mendatangkan akibat kelemahan ataupun menjatuhkan ekonomi pengangkutan kita yang ada di negara kita ini.

Suka juga saya menyentuh sedikit berkenaan dengan keadaan jadual sistem Penerbangan MAS yang ada pada hari ini. Nampaknya di dalam jadual penerbangan yang berjalan daripada K.L.-Alor Star atau Alor Star-K.L. cuma ada sekali sehari sahaja. Kalau dapat ditambah lagi perjalanan itu adalah baik. Begitu juga di dalam jadual perjalanan penerbangan tambang ekonomi iaitu penerbangan dari K.L.-Pulau Pinang dan Pulau Pinang-Kuala Lumpur hanya ada sekali sehari sahaja iaitu daripada Kuala Lumpur jam 6.00 pagi dan dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur jam 10.00 malam. Saya berharap pihak MAS dapat menambahkan jadual penerbangan itu pada masa akan datang. Begitu juga rasa saya di dalam masa pemeriksaan untuk penumpang yang menaiki kapalterbang MAS itu, maka pemeriksaan itu selalu diadakan semasa kita akan naik. Jadi dengan serta merta menjadi kelamkabut di situ, kadang-kadang tergapoh-gapah. Tidakkah boleh pihak MAS menentukan mana-mana pihak yang akan menaiki kapalterbang itu diberi masa lebih awal iaitu dalam masa 10—15 minit terlebih dahulu diadakan pemeriksaan kepada pihak yang akan menaiki kapalterbang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan sekarang selama 12 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 5.00 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mesyuarat*)

5.15 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana saya diberi peluang walaupun kawan-kawan saya berhajat bercakap dalam Dewan ini ialah pada masa pembukaan Majlis ataupun sebelum pukul 5.00 petng. Saya tidak tahu apakah sebabnya maka keadaannya begitu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa saya menyokong ucapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock dalam menyampai kesyukuran dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan pada hari pembukaan Parlimen tempoh hari. Saya dengan segala hormatnya menyokong ucapannya ini dengan penuh hati. Tetapi walau bagaimana pun perkara yang terselit ataupun tersurat dalam lipatan hati dan jiwa saya patut juga kemukakan di dalam Majlis ini.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja umpamanya setahun sekali, maka saya fikir peluang Ahli-ahli Dewan bukan sahaja Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara ini diberi sepuh kesempatan menyampaikan ucapan samada mengkeritik Kerajaan ataupun menegur Kerajaan dengan cara yang membina. Akan tetapi segala peraturan yang ditetapkan pada masa satu dua hari dahulu tiap-tiap Ahli Dewan ini bercakap tidak lebih daripada 20 minit. Dan setengah daripada Ahli-ahli kita bercakap menggunakan surat yang dibaca dan mengikut peraturan Dewan, Tuan Yang di-Pertua, adalah melanggar peraturan Dewan ini.

Dalam masa Kabinet ini ditubuhkan, seorang Menteri telah dilantik daripada Ahli Dewan ini iaitu Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri, khusus menjaga hal-ehwal Dewan Negara ini. Dan ini satu pandangan yang sangat baik yang telah dibuat atau diadakan oleh Perdana Menteri khususnya kerana keadaan Negara ini, dan ini saya fikir satu kehormatan kepada Dewan ini. Akan tetapi apa salahnya perkara membahaskan ucapan dasar ini dikemukakan kepada Ahli-ahli Dewan ini dengan rasa dan

masa yang tidak cukup. Kerajaan tidak akan rugi kalau menambahkan satu atau dua tiga hari lagi, akan mendapat kritik yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Kalau kita membaca surat yang telah ditulis, kedudukan kita fikiran kita adalah ditumpukan kepada satu arahan yang nanti orang akan berkata: "Nuri yang pandai bercakap". Saya tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini dikatakan Dewan rubber stamp. Pada masa dahulu, Dewan ini disebutkan Dewan rubber stamp. Dewan negara, Dewan senget. Dan kalau hari ini kita bandingkan dengan Dewan Rakyat, penilaian ini boleh dibuat bukan sahaja dari saya sendiri, tetapi dari Ahli-ahli yang hadir di dalam Majlis ini boleh menimbangakan bagaimana Dewan Negara memberi dan mengeluarkan serta membantu Kerajaan dalam satu-satu perbahasan. Saya tidak hendak masuk di dalam bakul, angkat sendiri tetapi kenyataan yang benar mestilah kita akui kebenaran itu. Saya tidak mengkeritik Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua sendiri menentukan masa 20 minit pada tiap-tiap seorang Ahli bercakap, kerana saya faham apa yang saya cakap pada preamble ini akan ditolak daripada 20 minit itu. Dan saya harap pada masa yang akan datang kajian ini haruslah dibuat bagi membolehkan tiap-tiap Ahli Dewan ini bercakap dengan lantang, lantang dan dengan fikiran yang tidak terikat dengan satu ketetapan yang mengikat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang tidak lama lagi kita akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga dan saya jangka kan dapat dikemukakan dalam Dewan ini mungkin dalam bulan Julai atau bulan Ogos. Tetapi saya suka menarik perhatian bahawa sebelum rancangan ini dizahirkan, ada baiknya kita buat kajian dan saya suka mengatakan bahawa perancangan kita Jalan Karak ke Kuala Lumpur umpamanya keadaannya sangat baik pada waktu ini dan telah berjalan dengan tidak terganggu gugat sebagaimana tempat-tempat lain. Akan tetapi daripada hasil siapnya jalan baharu Kuala Lumpur/Karak ini, kita cuma dapat memendekkan jalan hanya 7 batu dan kita membuat dua saingan jalan yang hampir kadang-kadang tidak sampai tiga rantai, dan dalam setengah-setengah tempat melintasi jalan lama.

Kita telah membelanjakan projek ini dengan menelan belanja sebanyak \$80 juta kerana membuat jalan baru ini. Saya suka hendak bertanya kepada Kerajaan, apa kesahnya dengan jalan lama, jikalau jalan baharu ini disiapkan kelak. Saya fikir tentulah jalan lama ini tidak akan ditutup kerana asas foundation jalan lama itu lebih kuat. Jadi kita maintain, kita menjaga dua jalan yang selari dan berhampiran. Dalam masa yang demikian, beratus-ratus ekar tanah Kerajaan Negeri yang telah dibelanjakan kerana tanaman pokok pine telah binasa. Dan walaupun gantirugi yang diberikan oleh Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri umpamanya perkara itu tidak timbul, yang timbul masalaahnya ialah mengapa perancangan kita, kita lakukan sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perkataan rumah sudah, pahat berbunyi, tetapi saya terpaksa mengeluarkan rasa hati dengan tujuan ikhlas, bahawa perancangan yang diadakan Jalan Karak/Kuala Lumpur itu pada hakikatnya tidak menguntungkan, bahawa \$80 juta boleh kita gunakan untuk jalan lain. Mengapa Jalan Menchis, Jalan Durian Tepos Negeri Sembilan, first class road, apabila masuk ke dalam Menchis membawa ke Bentong, jalan ini jalan yang berbengkang-bengkok pada hal dia menghubungkan antara sebuah Negeri dengan sebuah Negeri yang tidak kita baiki dengan cara yang licin, teratur, lurus supaya ia menjadi sebuah jalan yang baik untuk hubungan Negeri Sembilan dengan Negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa jalan lama di antara Raub dengan Bentong yang berbengkang-bengkok membubuh culvert pun belum diaturkan. Semuanya memandangkan Jalan Karak/Kuala Lumpur pada hal kita mesti membaiki untuk faedah rakyat seluruhnya. Mengapa rancangan yang kecil umpamanya, memotong selekoh yang pendek, menambun gaung yang cetek dengan menambah culvert tidak dijalankan setelah 17 tahun kita merdeka. Sedangkan jalan ini pada mulanya, ialah menghubungkan Negeri Selangor dengan Negeri Pahang melalui Bentong/Raub dan kawasan Negeri yang jajahannya lebih besar sebelah utara seperti Lipis, Jerantut dan juga boleh tembus ke Kuantan. Mengapa jalan yang pendek 6 batu ini yang ada lengkung-lengkuk kita tidak baiki. Saya fikir Yang Berhormat

Menteri yang berkenaan tidak melalui jalan ini.

Di zaman dharurat ini kebanyakan Menteri kita menggunakan kapalterbang dan tidak singgah jalan-jalan ini. Boleh sekali-sekali kita buat lawatan menggunakan kereta yang tidak ada plate Menteri. Saya sedia menawarkan kereta saya, kalau Yang Berhormat Menteri itu sanggup naik, saya jamin, insya Allah dengan bersandar kepada Allah, kita selamat. Mengapa kita pergi ke Cameron Highlands daripada Pahang melalui dua negeri, melalui Selangor dari Pahang masuk ke Perak dan naik bukit, baharu lantas ke Cameron Highlands—Tanah Rata melalui dua negeri. Kita boleh katakan zaman itu zaman penjajahan. Mengapa daripada Cameron Highlands tak boleh turun ke Raub yang sekarang cuma 48 batu sahaja lagi. Kita boleh buka tanah di sana dan kita boleh dapati isi bumi yang boleh kita buatkan lombong emas dan bijih. Saya fikir Jabatan Kaji Bumi boleh menolong Kerajaan kalau sekiranya di minta bantuan atas kedudukan tanah di ulu atau utara Jelai. Kita menghadapi dharurat, kominis bergerak dari satu tempat ke satu tempat yakni di tempat-tempat yang tidak ada jalan. Kita tidak boleh mengawali keadaan ini, kalau tidak ada jalan-jalan itu. Kita hendaklah sekarang ini mengutamakan masalah keselamatan. Saya tidak tahu barangkali ada masuk dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan di zahirkan dalam bulan Julai atau Ogos ini, masih menjadi tanda tanya. Mengapa daripada Kuala Kerai tidak kita rancangkan jalan hingga ke Kuala Lipis.

Sekarang ini cuma ada satu badan menyiasat yang akan siap siasatannya dalam dua tahun lagi. Mengapa 17 tahun dahulu tidak kita buat. Saya bercakap tiap-tiap kali, Tuan Yang di-Pertua, daripada Dewan Rakyat dahulu lagi. Saya yakin kita akan mendapat faedahnya kalau jalan itu siap, tetapi ianya memberi faedah kepada penduduk-penduduk di utara negeri Pahang dan juga di selatan negeri Kelantan. Mereka menggunakan jalan keretapi, Perkhidmatan Keretapi Pantai Timur yang bukan mail train. Saya tidak hendak bercakap dalam Majlis ini, sebab saya tidak hendak membuat keadaan serba salah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan akan tetapi kalau pada waktu malam jambatan itu ditutup, lampunya tidak ada, dan tambangnya serupa juga antara khidmat di Pantai Timur dengan

khidmat di Pantai Barat. Kita tidak boleh stebalkan politik negara kalau kita tidak stebalkan ekonomi. Kestebalan politik dan ekonomi ini berjalan mengikut kemahuan kita sendiri.

Perubahan yang berlaku di Sabah dalam pilihanraya baharu-baharu ini, di mana parti yang menang itu ditubuhkan baharu lima bulan sahaja itu harus menjadi pengajaran kepada kita sendiri. Harus menjadi pengajaran juga kepada orang-orang Sarawak. Harus memberi cabaran kepada orang-orang di Semenanjung Malaysia ini sendiri. Di dalam masaalah menjaga keselamatan, pembukaan jalan baharu perlu dan kalau kurang tenaga kita, tenaga military patut diutamakan dalam membuka jalan-jalan ini. Setelah 18 tahun, baharulah ada rancangan kita hendak menyiasat jalan keretapi daripada Kuala Lumpur terus ke Kuantan, kononnya satu consultant daripada Belgium diminta menyiasat perkara ini setelah 18 tahun.

Dalam masa pembangunan ini, saya suka hendak menyatakan keselamatan perlu diutamakan. Saya menyokong sahabat saya Dr Lim Keng Yaik bahawa National Service patut diadakan. Dengan jalan itu pemudapemuda kita boleh mendapat latihan tentera, mempunyai tanggungjawab cintakan negeri ini melalui satu disiplin yang kuat, akan tetapi kita harus kaji semula mengapa tindakan keselamatan daerah umpamanya tidak menjemput orang awam yang taat bagi mewakili orang awam dalam daerah itu dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah, pandangan daripada orang awam kepada Kerajaan patut ditimbang oleh Kerajaan. Hanya dua tiga orang sahaja iaitu Pegawai Daerah, Pegawai Polis Daerah, Tentera Daerah dan akhirnya Pegawai Penerangan Daerah. Mengapa tidak dijemput orang awam yang tolerance dari keturunan Melayu, India dan China yang sekarang ini mendapat anugerah kepercayaan daripada Kerajaan Negeri, daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan, daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan pangkat dan kebesaran, tidak berhak mewakili rakyat dari sesuatu daerah dalam Jawatankuasa tindakan keselamatan daerah. Mengapa kita tidak betulkan perkara ini sedangkan keamanan negara kita bergantung atas kerjasama daripada rakyat dalam sesebuah negeri.

Kita masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, sebab kita dari golongan yang sudah melalui

separuh abad (century) bagaimana dharurat yang pertama berlaku pada tahun 1948 hingga tahun 1960. Kerajaan kita pada masa itu memerangi perang urat saraf yang lebih dan pada masa ini tidak begitu giat, tidak begitu pesat pembangunan seperti yang ada pada hari ini. Cuma yang ada ialah bagaimana Kerajaan Negeri pada masa itu menggunakan tenaga orang ramai bagi kebajikan atau jalan hendak menghapuskan atau mendatangkan keamanan pada waktu itu. Allhamdulillah, pada tahun 1960 kita sudah tamat dharurat yang pertama dan sekarang ini masuk kepada dharurat yang kedua, mengapa pelajaran dan pengalaman yang kita dapati dalam 12 tahun dahulu, kita lupakan atau kita tidak ambil bawa bersama pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan tolong timbangkan semula supaya ada orang awam bersama dengan badan keselamatan daerah memikirkan bersama dari segi orang awam bagaimana jalannya hendak mengatasi masalah ini. Saya tidak prejudice ataupun salah sangka tetapi orang-orang itu semuanya orang-orang Kerajaan yang ia bertukar ganti dan naik turun. Boleh jadi setengah-setengah daripadanya tidak begitu memikirkan dan kurang pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam masalah dadah berbahaya dan sahabat saya Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock bercakap panjang dalam masalah dadah berbahaya ini kerana beliau seorang doktor mungkin dia lebih faham dari apa yang saya fahami, akan tetapi pada masa dahulu kita sudah ingatkan bahawa penghisap dadah ini timbulnya ialah daripada kumpulan orang yang tidak bekerja dan sekarang ini sudah masuk kepada peringkat budak sekolah, tetapi asalnya ialah yang dibawa oleh hippies, orang yang berambut panjang. Mengapa Kerajaan kita tidak boleh mendisiplinkan pemuda kita yang berambut panjang sebagaimana Kerajaan Singapura mendisiplinkan rakyat Singapura sendiri, sebab kita fikir rambut panjang ini satu isyarat bahawa mereka ada di dalam satu kumpulan. Bila sama-sama berambut panjang ertinya berkumpul dalam satu perkumpulan. Mengapa kita tidak siasat perkara ini dengan lebih lanjut dan apa menaifatnya yang Kerajaan Singapura buat tindakan seperti itu. Saya fikir banyak sebab boleh menolong kita jikalau kita buat kajian.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sedikit sahaja walaupun kita bekerja kuat, kadang-kadang kala kita hendak berihat juga. Saya fikir pada masa ini Kementerian Penerangan, khasnya TV kita untuk memberi gambaran rihat dalam TVnya agak saya sudah kurang sedikit, cuma banyaknya rancangan kelakar sahaja seperti "The Lucy Show" dan "The Carol Burnett Show" dan kalau ada gambar pun yang sudah out-of date 7 tahun ditayangkan semula. Tetapi tiap-tiap kali Menteri mengambilalih jawatan itu, katanya ada rancangan pada masa akan datang, rancangan ini akan dibuat, tetapi bila kita tengok balik-balik filem itu juga. Saya tidak marah kepada kakitangan di Angkasapuri itu, tetapi apa salahnya, carilah gambar yang baik sedikit, sekurang-kurangnya sebulan sekali gambar yang agak bukan umurnya sudah 7 tahun. Kita selalu mengikuti tayangan gambar terutama filem Melayu kita yang tidak baik tekniknya kabor gambarnya dan lain-lain lagi. Saya berharap kepada Pegawai Besar di Angkasapuri, kalau boleh, khasnya kepada Yang Berhormat Menteri tolong tengokkan sedikit akan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini CUEPACS ada menyiarkan berita dalam suratkhbar berkehendakkan Report Ibrahim Ali dikeluarkan dengan serta-merta, kalau tidak tindakan mogok atau tindakan perusahaan atau tindakan buruh akan dilakukan. Saya tidak hendak sebutkan nama pegawai yang bercakap itu, sebab saya fikir Dewan ini sendiri boleh dapat mengetahuinya. Saya minta kepada Kerajaan memandangkan kepada keadaan negara kita yang begini, mengharam semua permogokan di negara kita. Jangan ada berlaku lagi pemogokan sehingga sekian-sekian tahun atau sehingga keadaan negara stabil. Berkenaan Report Ibrahim Ali, Tuan Yang di-Pertua pun tahu, perkara itu ada dalam kajian yang mendalam oleh Kerajaan kiranya lapuran itu dijalankan apakah kesan-kesan yang akan timbul pada negara kita dan apa salahnya kita tempohkan memandangkan keadaan negara kita sekarang ini. Bahawa Kerajaan bukan sahaja patut mengadakan national service kepada orang-orang muda, tetapi patut juga Kerajaan mengharamkan segala pemogokan sehingga keadaan negara kita sudah stabil semula.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Ada sedikit perkara sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Beginilah gayanya kalau masanya sudah cukup, tetapi walau macammanapun kalau dapat satu perkara lagi cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hospital, sahabat saya telah menyentuh tentang pembayaran masuk ke hospital tersangat mahal. Pembelahan yang besar sehingga \$400—\$700. Pembelahan kepakaran \$400 hingga \$700. Yang sederhana, saya tidak berapa ingat tetapi yang kecil \$70—\$150. Kalau orang miskin, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak dapat rawatan kepakaran kerana dia tidak berkemampuan bayar \$400 hingga \$700 sedangkan tujuan hospital itu memberi rawatan kerana kebajikan rakyat. Service kita ialah to our people. Kerajaan mesti tambah subsidi lebih kepada Hospital. Tetapi kalau sekiranya kes-kes yang besar seperti ini, saya merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan semula perkara ini dan kita harap perjalanan kita pun diredai oleh Allah. Akhirnya, saya mohon berhenti, walaupun saya berhajat hendak bercakap panjang.

5.42 *ptg.*

Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Datuk Dr Wee Khoon Hock atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu dan saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu watalla kerana dapat bersama mengambil peluang di dalam Dewan yang berbahagia ini. Di sini kita telah bersama-sama berdukacita kerana kembalinya Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak. Tetapi Alhamdulillah kerana ada pepatah orang tua-tua telah berkata: Patah tumbuh hilang berganti. Tumbuh seorang jaguh kita Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dan beliau telah memegang jawatan Perdana Menteri juga beliau telah melantik Yang Amat Berhormat Dr Mahathir Mohamad menjadi Timbalan Perdana Menteri dan juga Ahli-ahli Kabinet

iaitu Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah menjadi Menteri Kewangan dan juga ahli-ahli Kabinet yang lain. Bagi pihak rakyat menyokong penuh Kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri . .

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 34 (6) tidak boleh membaca.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila. Lihat sedikit-sedikit boleh.

Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak wanita seluruhnya menyokong penuh dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mana di dalam Kabinet barunya telah melantik juga seorang wanita iaitu Puan Rafidah Aziz menjadi Setiausaha Parlimen di dalam Kabinet baharu kita. Bagi pihak wanita seluruhnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan diharap kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya tidaklah ketinggalan lagi di masa yang akan datang akan memberi lagi peluang-peluang kepada wanita-wanita di dalam bidang-bidang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang di dalam perbahasan Titah Ucapan pada hari ini dan saya suka sebutkan dua tiga perkara sahaja yang mana di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong disebut kita seluruh rakyat mesti bersatu-padu dan sama-sama mengubah sikap mengambil apa peluang yang dibuat oleh Kerajaan. Di sini saya suka membawa kepada Dewan pada hari ini yang mana tentang mengubah sikap ini kita telah tahu bagi pihak agama Islam kita telahpun disuruh, kalau tidak salah ingatan saya Tuhan telah berkata tiap-tiap satu kaum itu boleh mengubah coraknya. Jadi, saya percaya dan saya yakin kita semua seluruh rakyat mesti mengubah sikap bukan bagi pihak rakyat rendah sahaja, tetapi keseluruhan rakyat juga, pihak pegawai-pegawai Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan dan juga Menteri-menteri seterusnya seluruh rakyat yang di luar bandar. Jadi saya rasa dengan mengubah sikap itu, Insya Allah kita akan dapat

kejayaan kerana perpaduan dengan mengubah sikap inilah, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita rasa perkara ini kecil, tetapi perkara inilah yang besar sekali. Kalau tidak kita dapat mengubah sikap ini, kita tidak akan dapat menjalankan tugas kita, kerana saya tahu rungutan-rungutan rakyat seluruhnya telah berkata pihak rakyat tidak mahu berjumpa Ketua-ketua Jabatan, kerana mereka itu telah tidak mengambil hirau kalau orang-orang di luar bandar datang ke Jabatan-jabatan tersebut. Di sini saya percaya dan saya yakin kerana saya sendiri pun telah terkena kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan, tetapi di sini bukanlah saya kata semua Ketua-ketua Jabatan, semua pegawai-pegawai Kerajaan, tetapi setengah-setengahnya sahaja yang telah bersikap seperti itu. Saya sendiri pun telah terkena, masuk ke dalam sebuah Jabatan mereka itu buat acoh tak acoh sahaja, tidak kenal, tidak suruh duduk dan tidak memberi kehormatan. Saya percaya dan saya yakin dengan adanya ubah sikap ini, Insya Allah kita akan dapat kejayaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kelak.

Kedua, mengenai pembangunan. Saya tidak hendak menyebutkan hal pembangunan ini dengan panjang. Kita tahu sekarang ini pembangunan telah selalu disebut-sebut ialah di negeri-negeri yang meleset iaitu negeri Kelantan, Kedah, Trengganu dan Perlis. Ini yang selalu kita sebut-sebut yang mana kita dengan rancangan-rancangan yang disebutkan oleh Perdana Menteri kita pun empat buah negeri itulah yang meleset. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil daya usaha yang cemerlang khususnya saya tegaskan di sini negeri Kedah supaya dapat pihak yang berkenaan menetapkan pakar-pakar yang boleh menolong pegawai-pegawai di sini dan juga saya berharap bantuan wang dapat dipercepatkan.

Ketiga, saya berharap kepada Kementerian Perumahan yang mana rakan-rakan saya ada menyebut berkenaan dengan perumahan ini khususnya di negeri Kedah, sekarang ini banyak juga membuat rancangan perumahan, tetapi pihak UDA dan juga badan-badan yang lain telah membuat banyak rumah-rumah yang berharga \$28,000 hingga \$30,000. Jadi rumah-rumah yang seperti ini rakyat yang berpendapatan rendah tidak dapat membelinya langsung. Hanya pihak guru-guru yang bergaji \$600 hingga \$700 ke atas yang dapat membeli rumah-rumah yang

saya sebut tadi dan harapan saya tegas di sini supaya perumahan ini buatlah perumahan yang murah berharga antara \$4,000 hingga \$5,000 jadi pihak yang berpendapatan rendah yang bergaji \$100 hingga \$200 dapat membeli rumah-rumah itu. Itulah harapan saya. Berkenaan dengan Kementerian Penerangan iaitu berhubung dengan TV. Saya suka juga menyebutnya seperti mana rakan-rakan saya telahpun menyebutnya tadi. Saya berharap supaya pegawai-pegawai TV ini ditambahkan di tiap-tiap negeri, kerana saya tahu di negeri Kedah sekarang ini hanya ada dua sahaja pegawai. Kalau ada banyak sedikit majlis-majlis, mereka itu tidak dapat pergi mengambil gambar, hanya dapat pergi mengambil gambar apabila pihak Menteri datang maka barulah mereka itu datang. Kalau pihak rakyat membuat apa-apa aktiviti tidak langsung dapat diambil kerana pegawai tidak mencukupi.

Begitu juga yang saya suka menyebut di sini berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak Hussin sebentar tadi. Gambar-gambar yang ditayangkan, saya berharap pihak yang berkenaan menapis betul-betul, kerana saya tengok juga selalu ada tayangan lawak jenaka pada tengah malam, malam Sabtu, tentulah menjolok mata. Ada yang berpelekok-peklok bercium dan pakaiannya pun terlalu menjolok mata. Saya harap dapat pihak TV ini mengambil tindakan yang tegas.

Juga sepertimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi berkenaan dengan TV, kalau dalam Persidangan Dewan Parlimen kita tahu ada masa Soal-Jawab Mulut ditunjukkan terbentang gambarnya dalam TV, kalau persidangan Dewan Negara ini kurang sedikit, bagi kaum lelaki ada juga, tetapi kalau kaum wanita kadang-kadang tidak pernah nampak gambar langsung. Jadi saya harap dapatlah juga pihak TV ini jangan ada seperti orang kata "pilih kasih". Kalau ada sesiapa tunjukkan sama, kerana rakan-rakan mereka di rumah pun hendak menengok sama, apa yang isterinya pergi ke Parlimen, buat apa, tetapi tidak pernah gambarnya keluar. Ini patut juga saya sarankan kepada pihak TV pada hari ini.

Yang akhir sekali, saya sukalah juga bercakap berkenaan dengan perkara agama yang mana rakan saya tadi telah sebutkan

di dalam Titah Ucapan Di Raja tidak menyebut langsung berkenaan dengan ugama. Jadi saya sukalah juga menyebutkan di sini, walaupun kita agong-agongkan ugama Islam kita sebagai ugama rasmi yang mana kita telah mengadakan rancangan-rancangan seperti Pertandingan Quran pada tiap-tiap tahun dan saya berharap pada masa yang akan datang, kalau boleh saya menyatakan di sini supaya dapat pihak Kerajaan kita mengadakan Pertandingan Quran bagi pihak murid-murid sekolah menengah yang mana sekarang ini kita telah buat pada tiap-tiap negeri Pertandingan Quran murid-murid sekolah menengah, tetapi pada setakat negeri sahaja selepas itu bawa datang ke mari seorang johan baca di dalam pertandingan, tidak ada pertandingan di peringkat kebangsaan. Jadi saya harap dapatlah pihak Kerajaan kita menambahkan lagi kewangan dan mengadakan Pertandingan Quran antara penuntut-penuntut sekolah menengah bagi peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya.

5.54 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock yang mana mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas Titah Di Raja yang telah disampaikan pada sidang Parlimen baru-baru ini.

Dalam kesempatan sokongan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyentuh beberapa perkara terutama sekali di dalam masalah keselamatan negara kita ini. Walaupun saudara-saudara saya yang telah terdahulu bercakap menyentuh dalam masalah ini, tetapi oleh kerana pada pandangan saya juga perkara keselamatan ini adalah perkara yang paling mustahak sekali, sebab kalau negara kita ini tidak berada di dalam keadaan yang selamat segala rancangan yang telah kita atur baik di dalam Rancangan Malaysia Pertama, Yang Kedua dan yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga inipun akan purak-peranda akibat kalau keselamatan kita tidak berada di dalam keadaan yang terjamin. Dengan sebab itu, soal keselamatan soal yang paling berat sekali pada pandangan saya dan soal keselamatan ini adalah bergantung besar kepada

kesanggupan Pasukan Keselamatan kita sendiri dan juga kerjasama dari semua rakyat jelata dalam Malaysia kita ini.

Kedua-dua faktor ini ada tali-menali. Kalau pasukan keselamatan sahaja tanpa kerjasama daripada rakyat ataupun orang ramai, maka keselamatan kita itu tidak akan dapat dikawal terutama sekali dalam masa keganasan kominis yang sedang menjadi-jadi dalam negeri kita pada masa yang akhir-akhir ini. Dengan sebab itu, saya sukalah menyatakan bahawa tugas Pasukan Keselamatan kita selama ini telahpun memakan pengorbanan dan walaupun dalam keadaan yang begitu sulit mereka menghadapi demi untuk keselamatan negara, mereka hadapi dengan perasaan yang tabah dan saya sukalah menyatakan terima kasih dan sanjungan tinggi kepada pihak Pasukan Keselamatan di atas kesanggupan mereka walaupun ada keadaan-keadaan yang mereka tidak begitu senang hati terutama dari segi layanan, kemudahan, gaji dan sebagainya yang pada masa akhir-akhir ini kita telah dapat jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bahawa kedudukan mereka terutama dalam masalah gaji dan kemudahan akan dikaji dan dipertimbangkan

Saya suka mencadangkan di atas kesempatan kajian semula supaya Pasukan Keselamatan kita yang sentiasa menghadapi ancaman di kawasan-kawasan sempadan dan pernah menerima serangan-serangan daripada penjahat-penjahat kominis, mereka pernah menempoh kecelakaan, kecacatan, kematian dan sebagainya. Kepada mereka ini perlulah kita pihak Kerajaan memberi layanan-layanan yang sewajibnya dan kalau mereka mendapat kecederaan mereka perlulah diberi saguhati yang berpatutan dan kalau mereka menerima kemalangan yang lebih dahsyat dengan kematian, maka keluarga mereka dan anak-anak mereka perlulah dijamin masa hadapan mereka, bukan sahaja hadiah di atas kematiannya yang perlu diperbesar tetapi juga jaminan hidup dan jaminan pelajaran kepada anak-anak dan juga jaminan hidup kepada isteri mereka perlu dijamin oleh Kerajaan supaya mereka dapat menumpukan perhatian kepada tugas keselamatan dan mereka tidak risau-risau kalau mereka menempoh kemalangan dalam perjuangan menentang penganas kominis.

Selain daripada itu seperti yang telah saya sebutkan tadi kerjasama daripada seluruh

rakyat perlu kita dapati. Satu daripada masaalhnya, rasa saya, untuk mendapatkan kerjasama yang lebih daripada rakyat sekalian kempen ataupun dalam erti kata dakwah supaya orang ramai mempunyai tanggungjawab, mempunyai kesedaran bertanggungjawab kepada keselamatan negara boleh kita dapati melalui kempen, melalui penerangan, melalui siri dakwah yang mana saya rasa perlu rancangan dakwah yang ada di Jabatan Perdana Menteri diperbesarkan dengan dipadukan tenaga, kerjasama semua tenaga pakar dakwah yang ada dalam negara ini, samada dari Jabatan Ugama Negeri-negeri dan juga Jabatan Hal Ehwal Ugama Persekutuan dan guru-guru ugama di sekolah-sekolah rendah, menengah, guru-guru ugama di dalam Jabatan Polis dan juga asykar kita, semuanya perlulah disatukan tenaga dan disusun suatu cara dan stratiji yang benar-benar dapat menarik perhatian rakyat seluruhnya, terutama umat Islam yang majoriti dalam negara kita ini supaya mereka boleh menerima perasaan dan boleh mendatangkan kesedaran merasa bertanggungjawab kepada negaranya sesuai dengan konsep Islam, sesuai dengan dasar Islam yang mana kasihkan tanahair adalah sebahagian daripada iman. Jadi kalau kita menyusun suatu rancangan dakwah yang benar-benar berkesan melalui perpaduan tenaga ahli dari kalangan dakwah ini dan kita laksanakan dengan sungguh-sungguh, kalau kita mempunyai tenaga ahli yang cukup, mempunyai kewangan yang juga cukup, saya rasa rancangan dakwah ini akan memberi kesan yang besar bukan sahaja di kalangan tenaga-tenaga anggota Pasukan Keselamatan kita sendiri apabila mereka mempunyai keyakinan perjuangan kerana menjaga tanah air adalah satu perkara yang dikehendaki dalam ugama Islam, maka orang ramai juga dapat kita tarik dengan kesedaran mereka ikut bertanggungjawab tanpa menunggu Pasukan Keselamatan, mereka sanggup menceborkan diri mempertahankan tanahair sekurang-kurangnya dengan rancangan RELA umpamanya dengan kesedaran mereka sendiri mereka dapat mengawal keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalh keselamatan ini seperti saya katakan tadi tidak cukup dengan Pasukan Keselamatan sahaja mestilah kita ada kerjasama dengan orang ramai dan masaalh yang kedua selain daripada masaalh keselamatan soal kemiskinan rakyat juga menjadi faktor yang

utama sekali dalam keselamatan negara kita. Kemiskinan rakyat walaupun kita telah dengar banyak sungutan-sungutan menyatakan bahawa kaum pekerja di kawasan bandar-bandar terdiri daripada golongan miskin, tetapi walau bagaimanapun mereka sedikit sebanyak telah banyak mempunyai kemudahan-kemudahan yang disalurkan oleh Kerajaan di kawasan-kawasan bandar. Saya suka hendak menarik perhatian Dewan ini kepada kemiskinan rakyat di luar bandar yang mana sesuai dan dasar Kerajaan kita sekarang ini hendak memperimbangan taraf ekonomi rakyat yang miskin terutama di luar bandar dengan rakyat yang kaya, yang senang-lenang dengan kemudahan yang ada kepada mereka sendiri dan juga kemudahan-kemudahan yang telah diberi oleh Kerajaan dalam bandar maka rakyat di luar bandar yang miskin adalah terdiri dari dua golongan. Yang pertama, petani-petani kita dan juga nelayan-nelayan.

Satu masaalh yang perlu kita perhatikan dalam kemiskinan rakyat ini kita menghadapi berbagai-bagai masaalh. Sudahlah masaalh-masaalah yang telah lalu kita belum dapat atasi lagi. Umpamanya, nasib nelayan kita yang mana Kementerian yang berkenaan selalu memberi jaminan bahawa nasib nelayan sentiasa mendapat pembelaan. Tetapi sampai hari ini kita masih lagi nampak bahawa golongan kaum nelayan ini tidak banyak berubah daripada nasib masa penjajah dahulu. Dalam masaalh seperti ini dalam penubuhan Kabinet yang baru kita dapati pula Kementerian Pertanian ini yang bertanggungjawab benar-benar kepada kaum tani dan nelayan yang sebahagian besar terdiri daripada rakyat yang miskin di luar bandar masih lagi ketinggalan dalam Kementerian sendiri sebab Menterinya belum dilantik. Jadi, saya rasa kelewatan melantik seorang Menteri dalam Kementerian ini adalah, saya tidak hendak menuduh Kerajaan menganaktirikan kaum tani dan nelayan, tetapi saya harap perlantikannya akan dapat dibuat dalam masa yang singkat atau kita lantik sahaja Timbalan Menteri yang ada sekarang ini menjadi Menteri.

Masaalah ini janganlah kita dituduh terutama oleh kaum-kaum tani dan nelayan mereka ini diketepi sehingga Menteri mereka pun tak ada, yang ada hanya Timbalan Menteri. Jadi, masaalh petani, kalau di Kelantan soal KADA yang sehubungan dengan Kementerian Pertanian inipun juga senasib.

Saya katakan senasib oleh kerana KADA sampai hari ini masih belum ada lagi pengurusinya. Setahu saya mesyuarat KADA yang lalu diadakan tiap-tiap bulan pun semenjak tahun 1974 sampai hari ini belum diadakan sekalipun mesyuarat. Jadi, saya kata senasib dengan Kementerian Pertanian, kerana Kementerian Pertanian tidak ada mempunyai Menteri yang penuh, yang ada hanya Timbalan Menteri, maka KADA pula tidak ada mempunyai Pengerusi dan mesyuarat sehingga hari ini belum pernah diadakan, kerana ketiadaan Pengerusi barangkali. Mungkin kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya kepada soalan saya tentang pemotongan air di Rancangan Perairan Kemubu atau di kawasan KADA ini akibat kemarau, tetapi mungkin keadaan ini bertambah selain daripada disebabkan kemarau bertambah pula mungkin kerana tidak ada mesyuarat, maka bila tidak ada mesyuarat tidak ada ikhtiar cara bagaimana hendak mengatasi masalah ini supaya keadaan yang begitu mendesak dapat diatasi kalau tidak 100% separuh-separuh. Tetapi malangnya, soalan KADA tinggal terbengkalai seperti itu kerana tidak ada Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang berhubung rapat dengan petani-petani dan juga lain-lain kerja pembangunan ialah masalah penyelesaian tanah atau Land Settlement Scheme yang telah lama berjalan di negeri Kelantan. Rakyat di negeri Kelantan boleh kata bernasib baik kerana mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan dalam masalah penyelesaian tanah, penyelesaian hakmilik tanah, penyelesaian harta pesaka tanpa perbelanjaan dapat diselesaikan oleh rancangan penyelesaian tanah. Saya sukalah mengucapkan ribuan terima kasih di atas usaha dan pertolongan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan, walaupun kerja ini adalah tugas Kerajaan Negeri. Tetapi dalam menjalankan tugas penyelesaian tanah ini banyak melibatkan masalah-masalah yang dapat saya contohkan kepada satu dua perkara, umpamanya penyelesaian tanah ini terlampau

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah hampir tiba.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya minta masa yang lebih sedikit kerana saya seorang

sahaja yang mewakili Negeri Kelantan sekarang ini. Jadi ada satu dua perkara lagi yang hendak saya sebutkan di sini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ringkaskan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Mengenai penyelesaian tanah ini umpamanya mengistiharkan satu-satu mukim yang terlibat dalam rancangan penyelesaian tanah, kalau ada satu dua bidang tanah yang tidak dapat diselesaikan oleh beberapa masalah, maka keseluruhan mukim itu digantung segala penyerahan balik kepada Pejabat Tanah atau Pemungut Hasil Tanah kepada District Office. Dengan hal yang demikian, menyebabkan segala kira-bicara, jual-beli, pindah milik dan juga segala cagaran, kalau misalnya kita di kampung sekarang ini, orang kampung mempunyai rancangan perniagaan atau perusahaan hendak mendapatkan pinjaman bank dia tidak dapat kerana disebabkan land scheme lambat menyelesaikan, hendak buat transfer, cagaran tidak dapat, maka menyebabkan pinjaman tidak dapat. Begitu juga dalam masalah menukar milik untuk satu-satu rancangan binaan, hendak sub-divide hendak jual-beli dan sebagainya, segala pembangunan di dalam kawasan itu tergendala oleh kerana terlambatnya land scheme, kadang-kadang masa yang terlambat ini, Tuan Yang di-Pertua, sampai 4-5 tahun. Contohnya, tanah saya sendiri di Bachok, dalam satu mukim sudah dikeluarkan geran, tetapi lot yang lain tidak dikeluarkan geran sampai hari ini, sampai 2-3 tahun perbezaannya. Jadi masalah-masalah seperti ini patut diselesaikan.

Selain daripada itu, mengenai masalah pembangunan, saya berterima kasih

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudah lewat 5 minit, sila teruskan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Saya hendak selesaikan masalah pembangunan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup.

6.14 ptg

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengokong Usul di atas Titah Ucapan Di Raja pada 30hb Mac, 1976 yang baru lepas ini.

Saya ingin menyentuh mengenai masalah keselamatan, kerana keselamatan ini meliputi dari segi kesihatan, kehidupan dan sebagainya. Kalau tidak makan tidak selamat, begitu juga kalau tidak sihat tidak selamat. Juga saya hendak bercakap berkenaan keselamatan di dalam Titah Ucapan Di Raja ini, khasnya keselamatan orang Asli. Saya tidak menafikan kesalahan-kesalahan yang telah dibuat oleh orang Asli baru-baru ini, kerana mereka ini ada bercampur dengan kominis, sebab mereka ini adalah orang yang bodoh dan tinggal jauh di pedalaman.

Di sini saya suka menyebutkan iaitu Yang Berhormat bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Kamaruddin, ada bersama-sama dengan saya di waktu beliau memberikan senjatapi kepada orang-orang Asli. Saya ingin menyatakan kepada pihak Kerajaan mengapa orang Asli mengikut penganas kominis ini saya agak kerana mereka ini takut, mereka tinggal di dalam hutan dengan tidak mempunyai apa-apa senjatapi. Apabila kominis datang ke kampungnya meminta itu dan ini, maka mereka takut, mereka hendak lawan tidak mempunyai senjata, melainkan mengikut penganas kominis ini. Saya meminta supaya Kerajaan menimbang dan memikirkan dengan baik. Pada masa di zaman penjajah dahulu, masa dharurat yang pertama tahun 1948 Kerajaan penjajah di masa itu mendengar dan fikir dengan teliti iaitu penganas kominis kuat, maka kita memerlukan senjata. Di dalam sebuah ladang 5-6 senjata telah diberi. Di dalam kampung saya, Kuala Kangsar District, saya rasa sebanyak 200 senjata telah diberi kepada orang Asli, begitu juga di kawasan pedalaman. Jadi, mereka berani melawan penganas kominis dan mereka menolong pihak Kerajaan. Pada masa dharurat dahulu Kerajaan Negeri Perak telah menaksirkan sebanyak 60% orang Asli di Kuala Kangsar District tidak ada di dalam kampung atau ladang-ladang kerana mereka mengikut kominis. Tetapi pada masa itu Kerajaan telah dapat berusaha mendapatkan balik orang Asli ini dari tangan kominis, dan mereka ini telah dapat memberi pertolongan kepada Kerajaan.

Pada masa sekarang mengapa Kerajaan tidak mahu mengikut kaedah penjajah? Pada hal di dalam hadith ada mengatakan "tuntutlah ilmu walaupun sampai ke Negeri China". Kita baru lepas daripada penjajah mengapa tidak mahu ikut cara dia.

Pada masa ini kita berani kerana kita mempunyai senjata, kalau tidak mempunyai senjata seperti pada tahun 1946-1948 dahulu kominis mudah sahaja menyerang. Jadi saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya lebihkan senjata, kerana mereka semua telah meminta saya membentangkan perkara ini di dalam Dewan ini. Kalau sekiranya Kerajaan tidak memberi senjata dan layanan mereka ini mungkin akan lupa kepada Kerajaan, mereka bukan bodoh dan bagaimana mereka hendak memuji Kerajaan disebabkan Kerajaan telah melupakan mereka.

Di dalam tahun 1963 ada seorang A.S.P. di Kuala Kangsar, namanya Encik Adnan bin Yeop, dia orang Perak. Dia telah mendapat perkhabaran daripada kapalterbang military yang mengatakan ada satu kawasan tempat kapalterbang mendarat. Jadi dia telah mencari saya di Sungai Siput. Katanya "Tok Pangku di mana ada tempat kapalterbang yang boleh mendarat di daerah ini." Saya kata, tidak ada. Dia kata, "pihak military ada memberitahu". Dia suruh cari. Saya kata boleh cari. Apabila dicari apa yang dapat iaitu ladang ubi kayu China di tepi sungai. (*Ketawa*) Kawasan itu panjangnya 20 rantai di tepi sungai. Saya kata, "Encik Adnan inilah dia". Katanya, "Celaka pihak military ini tunjuk daratan." Ada satu lagi baru-baru ini pihak military mengatakan orang Asli di sempadan Kelantan menanam sayur, tetapi sampai hari ini tidak ada bukti yang dibentangkan kepada Kerajaan. Apabila pandang dari atas ladang lama itu rumputnya macam sayur juga (*Ketawa*). Jadi, jangan diteka-teka sahaja. Kalau yang salah itu, saya mengaku salah. Saya harap baiki yang silap itu. Kita jangan menuduh orang yang sudah bodoh. Saya sangat susah memikirkannya. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

6.20 ptg.

Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dibawa oleh rakan saya Datuk Dr Wee Khoo Hock bagi menyembahkan ucapan junjung kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Parlimen yang baru lalu.

Dalam sokongan saya ini, saya suka hendak bercakap sedikit di dalam beberapa perkara. Saya berasa sungguh dukacita dalam perbincangan Dewan Negara ini

kerana ada Ahli kita di dalam Dewan ini yang mengeluarkan ucapan-ucapan yang melampaui batas dalam menggunakan pandangan-pandangan kepada Kerajaan. Salah satu daripada ucapan yang saya rasa perlu saya sentuh ialah ucapan daripada Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaakob. Saya telah meneliti ucapan beliau dan ucapan itu dibuat dengan cara bertulis. Ucapan itu saya rasa bukan datang daripada fikirannya di dalam Dewan ini, tetapi suatu ucapan yang bertulis yang dirangka daripada rumahnya dan untuk berucap di dalam Dewan ini. Salah satu perkataan yang digunakan dalam ucapannya itu ialah "negara kita ini sudah macam negara komunis". Itulah perkataan yang digunakan di dalam Dewan ini. Dan selain daripada itu beliau berkata kehidupan kita telah berada dalam ketakutan, semua orang takut, rakyat sudah takut duduk dalam negara kita ini. Saya rasa sebagai Ahli Kerajaan, dan saya juga Ahli Kerajaan dan Dewan ini ialah satu Dewan yang meliputi kesemuanya Ahli Kerajaan, saya sungguh dukacita kerana ucapan beliau itu adalah satu ucapan yang boleh memburukkan suasana yang sedang berlaku dalam negara kita ini. Sepatutnya kita di Dewan ini hendaklah mengeluarkan fikiran yang membina, fikiran yang boleh memandu rakyat kepada jalan keamanan, kepada jalan ketenteraman dan fikiran-fikiran yang membina yang boleh memberi kebaikan kepada negara kita ini. Bagi saya yang duduk dalam Dewan ini, barangkali yang paling tua sekali, paling lama sekali dan paling mengeluarkan perkataan-perkataan yang hebat sekali dalam beberapa perkara yang difikirkan perlu, tetapi saya belum pernah mengeluarkan perkataan "negara kita ini telah menjadi sebagai sebuah negara sebagaimana negara komunis dan rakyat sudah mempunyai perasaan ketakutan hidup dalam negara kita ini".

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, Malaysia ini adalah sebuah negara yang paling baik berbanding dengan negara-negara di dunia ini. Kalau kita melawat kepada negara-negara jiran kita, kalau kita pergi ke Filipina, ke Thailand dan ke Indonesia, kita bandingkan dengan kehidupan rakyat negeri ini dengan kehidupan-kehidupan di sana, saya berasa syukur kepada Tuhan kerana kita telah diberi suatu kehidupan yang baik berbanding dengan negara-negara yang ada di rantau ini, dan negara kita telah menjadi begitu terkemuka

dengan kerana berbagai perkara seperti perkembangan siasah yang berlaku yang boleh menimbulkan negara kita menjadi sebuah negara yang agak masyhur. Walaupun kita baru, walaupun negara kita masih muda dalam dunia yang serba maju ini. Jadi bagi saya, sungguhpun kita telah ditinggalkan oleh bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak, kita telah dapat seorang Perdana Menteri yang baru dan daripada kenyataan-kenyataan yang saya ikuti yang dikeluarkannya, daripada gerak langkah yang telah dibuat oleh Perdana Menteri kita yang baru ini, setakat hari ini, maka kepercayaan telah timbul di kalangan rakyat bahawa Perdana Menteri kita yang baru ini telah mulai melangkah untuk mengaturkan tapak-tapak perjuangannya untuk menegakkan balik apa yang patut ditegaskan di dalam negara kita ini. Dan langkah-langkah yang seumpama ini patut disokong oleh kita semua terutama oleh Dewan Negara. Kita patut berdiri di belakang Jemaah Menteri yang baru ini dalam saat yang penting ini, kerana kalau kita undur, kalau kita berpecah, kalau kita menjadi anasir-anasir yang boleh merosakkan langkah-langkah Kerajaan itu, maka kita juga akan rugi.

Sebagaimana pendapat saudara Senator Raja Datuk Nong Chik bahawa kita berpegang kepada demokrasi, maka demokrasi-lah tempat kita berpegang, demokrasi bermakna suara ramai yang diterima. Kalau suara ramai telah bersetuju, maka kita mestilah bersetuju. Kalau ada dua-tiga kerat yang tidak dapat bersetuju, maka tinggalkanlah dia supaya mereka ketinggalan. Kita tak boleh mengikut kehendak beberapa kerat manusia untuk menegakkan demokrasi. Demokrasi ditegakkan di atas suara rakyat, ditegakkan di atas permuafakatan rakyat. Jadi, Dewan ini adalah sebuah Dewan di mana tempat kita patut bertukar-tukar fikiran dan mengeluarkan fikiran-fikiran yang membina, sebab kita telah nampak pada hari ini daripada kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Perdana Menteri kita bahawa beliau telah membuka pintu kepada segala teguran bagi pembinaan negara. Beliau sanggup menerima apa jua teguran yang membina yang boleh dilaksanakan dan beliau sendiri telah menegur dengan berani malah meng-exposekan berbagai-bagai perkara yang buruk yang sedang berlaku di negara kita.

Baru-baru ini sahaja beliau telah mendedahkan bagaimana buruknya pentadbiran

yang berlaku dalam perbadanan-perbadanan Kerajaan. Ini satu langkah yang sangat ikhlas yang ditunjukkan oleh beliau yang patut

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 28hb April, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.